

# STRATEGI

Pelan Boleh Ubah 3 Tahun (3YRP) KWSP dirangka untuk menyediakan organisasi kalis masa hadapan, bagi menjamin kami kekal berdaya tahan, fleksibel dan berpandangan jauh dalam usaha menjamin masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia. Pelan strategik ini menekankan tanggungjawab kami untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli, memberikan kecemerlangan perkhidmatan serta berkembang seiring dengan landskap sosio-ekonomi yang sentiasa berubah.

Pada asasnya, 3YRP KWSP dipacu oleh Tujuan, Misi dan Nilai kami yang diperbaharui, berperanan sebagai prinsip panduan untuk semua inisiatif kami. Melalui pelan ini, kami komited untuk memperkasa ahli agar membuat keputusan persaraan yang bijak dan bermakna, membolehkan setiap rakyat Malaysia menikmati masa hadapan yang terjamin dari segi kewangan, kesejahteraan dan ketenangan ketika melalui usia persaraan mereka.

## TERAS STRATEGIK

KWSP dipandu oleh tujuh (7) teras strategik yang dirangkum dalam frasa "Perfectly I SCOReD", di mana setiap huruf besar mewakili satu (1) teras strategik.



### PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kami berhasrat untuk menyediakan organisasi yang kalis masa hadapan dengan menyemai budaya dan memupuk bakat yang bersedia menghadapi masa hadapan serta mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini dicapai dengan meningkatkan pengalaman dan kesejahteraan keseluruhan pekerja.



### KETAHANAN PELABURAN

Kami memastikan daya tahan kewangan dengan mengoptimumkan pengurusan aset dan liabiliti, termasuk memperkukuh peruntukan aset bagi memaksimumkan pulangan, di samping menjana nilai tambahan melalui pelaburan strategik.



### PENERAPAN KELESTARIAN

Kami berhasrat untuk menjadi peneraju dalam amalan pelaburan lestari. Usaha ini melibatkan penerapan prinsip kelestarian merentasi seluruh operasi organisasi serta mengamalkan pendekatan holistik terhadap perkara-perkara ESG.



### BERFOKUSKAN PELANGGAN

Dipandu oleh komitmen mendalam terhadap kesejahteraan jangka panjang ahli, kami berusaha untuk memperluas liputan KWSP dan meningkatkan kecukupan simpanan persaraan. Bagi mempertingkatkan perkhidmatan kepada ahli, kami komited untuk menyediakan penyelesaian berasaskan data yang relevan, dipacu oleh teknologi canggih bagi mempertingkatkan pengalaman pelanggan. Selain itu, kami juga berhasrat untuk memperkukuh penglibatan pihak berkepentingan serta menjalin kerjasama strategik untuk menghasilkan impak yang lebih besar.



### KECEKAPAN OPERASI DAN PERNIAGAAN

Kami berazam untuk meningkatkan kecekapan kos dan keberkesanan operasi dengan mempermudah serta mendigitalkan proses perniagaan kami, sekali gus membolehkan aliran kerja yang lebih lancar dan produktiviti yang lebih tinggi.



### KESEJAHTERAAN PERSARAAN

Kami secara aktif memacu inisiatif kesejahteraan sosial yang memberikan nilai melangkaui pulangan kewangan, dan membantu ahli menikmati persaraan yang bermakna. Kami juga sentiasa menambah baik skim KWSP agar kekal relevan untuk generasi akan datang selaras dengan perubahan demografi.



### PENGUPAYAAN DIGITAL

Kami memperkukuh infrastruktur digital untuk mempercepat proses membuat keputusan berdasarkan data dan penyepaduan ekosistem yang lancar, dan pada masa yang sama memperkukuh keselamatan siber di seluruh organisasi.

# PERSEKITARAN OPERASI

## TREND DAN PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI

Persekitaran makroekonomi memberikan impak besar kepada pelbagai aspek prestasi KWSP termasuk pulangan pelaburan, kadar pekerjaan, caruman ahli dan corak pengeluaran. Justeru, kami sentiasa memantau dan menilai faktor-faktor tersebut secara aktif bagi memacu perancangan strategik yang merentasi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

### TREND GLOBAL

#### Pertumbuhan Global Sederhana

Pertumbuhan ekonomi global dianggarkan menurun kepada 3.3% pada 2024 (2023: 3.5%). Penyusutan itu disebabkan kesan kumulatif pengetatan dasar monetari dan inflasi berterusan yang melembapkan aktiviti ekonomi. Ekonomi Amerika Syarikat kekal stabil, ia disokong oleh pasaran buruh yang kukuh dan inflasi yang semakin reda, manakala ekonomi utama lain terus menghadapi rintangan pertumbuhan.

#### Ketegangan Geopolitik dan Ketidakpastian

Dinamik perdagangan global turut terjejas akibat ketegangan geopolitik yang meningkat, termasuklah kemungkinan peningkatan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China. Ketidaktentuan ini telah memberi kesan kepada pasaran kewangan dan mendorong syarikat multinasional untuk menyesuaikan operasi serta keputusan pelaburan mereka.

#### Peralihan kepada Ekonomi Hijau

Pelepasan CO<sub>2</sub> global yang berkaitan dengan tenaga terus meningkat, mencatat paras tertinggi baharu. Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), pada tahun 2024, pelepasan meningkat sebanyak 0.8%. Namun, kadar pertumbuhan pelepasan tenaga pada tahun 2024 merupakan yang terendah sejak pemulihan pasca pandemik dan antara yang terendah dalam dekad ini. Ia juga mengisyaratkan titik perubahan penting dalam usaha menangani perubahan iklim. Di peringkat global, momentum dalam peralihan tenaga hijau didapati terus meningkat, dan telah mendorong pelaburan berfokuskan kelestarian serta perubahan dasar dibuat sejajar dengan matlamat tersebut.

#### Penuaan Populasi Global

Menjelang 2030, individu berusia 50 tahun ke atas dijangka menyumbang dengan lebih signifikan kepada ekonomi global berbanding sebelum ini, sekali gus menekankan kepentingan dasar dan produk yang sesuai dengan keperluan demografi yang semakin menua.

#### Peningkatan Hutang Awam

Hutang awam global diunjurkan mencecah 93% daripada KDNK global menjelang akhir tahun 2024, meningkatkan kekangan fiskal dan mempengaruhi dasar ekonomi di seluruh dunia.

#### Automasi dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Transformasi Tenaga Kerja

Perniagaan kini semakin mempercepat penggunaan automasi dengan anggaran empat daripada sepuluh tugas dijangka akan diautomasi menjelang tahun 2027. Perubahan itu memerlukan transformasi dan pembangunan semula kemahiran tenaga kerja secara besar-besaran, justeru mewujudkan cabaran dan peluang baharu kepada pasaran buruh moden.

#### Risiko Keselamatan Siber yang Semakin Meningkat

Kos jenayah siber kini telah meningkat dengan begitu ketara, dengan kerugian global dijangka akan meningkat tiga kali ganda dalam beberapa tahun akan datang. Trend itu menggariskan keperluan mendesak untuk rangka kerja keselamatan siber yang lebih kukuh dan ketahanan digital yang dipertingkatkan.

### TREND DOMESTIK

#### Pertumbuhan Ekonomi yang Sihat

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada 2024, berbanding 3.6% pada 2023. Pertumbuhan itu didorong oleh pemulihan eksport dan permintaan domestik yang kukuh. Ia disokong oleh aktiviti pelaburan yang mantap, pasaran buruh yang sihat dan inflasi yang stabil. Prestasi eksport juga mendapat manfaat daripada ekonomi global yang stabil dan peningkatan dalam sektor teknologi.

#### Penciptaan Pekerjaan yang Kukuh

Kestabilan politik domestik, pembaharuan berterusan dan pelaksanaan pelan strategik negara telah menarik peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI), sekaligus telah meningkatkan penciptaan pekerjaan. Kadar pengangguran Malaysia telah menurun kepada 3.3% pada 2024, berbanding 3.4% pada 2023.

#### Kadar Faedah yang Stabil

BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.0% di samping menyokong pertumbuhan ekonomi sementara inflasi kekal terkawal.

## PERSEKITARAN OPERASI

## TREND PASARAN JANGKA PANJANG DI MALAYSIA

**Penduduk Menua**

Malaysia sedang melalui fasa peralihan demografi yang pesat dan dijangka menjadi negara tua menjelang 2043, apabila 14% daripada jumlah penduduk berumur 65 tahun dan ke atas.

Pada masa yang sama, rakyat Malaysia kini hidup lebih lama dengan jangka hayat dijangka mencecah 75.2 tahun pada 2024, manakala umur persaraan minimum kekal pada 60 tahun. Ini mewujudkan tempoh selepas persaraan selama 15 tahun di mana individu berisiko menghabiskan simpanan mereka. Peningkatan kos penjagaan kesihatan dan keperluan penjagaan jangka panjang turut menambah tekanan kewangan pada usia tua.

**Ketidakcukupan Simpanan dan Struktur Gaji Rendah**

Ramai rakyat Malaysia kian bergelut untuk membina simpanan persaraan yang mencukupi. Perkara ini bertambah mencabar dengan struktur gaji yang rendah di negara ini. Sebanyak 77% daripada

rakyat Malaysia memperoleh pendapatan kurang daripada RM5,000, manakala 55% ahli memperoleh kurang daripada RM3,000.

**Pekerjaan Tidak Formal**

Pertumbuhan pesat ekonomi gig telah menyebabkan peningkatan berterusan dalam pekerjaan tidak formal. Sehingga tahun 2024, kira-kira 6.8 juta tenaga kerja Malaysia masih berada di luar skim persaraan atau pencen formal. Golongan ini termasuklah kontraktor bebas, individu bekerja sendiri, pemilik perniagaan, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja domestik.

**Tindak Balas Kami**

Bagi menangani cabaran yang digariskan di atas serta mengoptimumkan prestasi, kami telah menetapkan objektif merentasi lima (5) bidang tumpuan utama: Kecukupan, Liputan, Pengalaman, Pulangan dan Kepercayaan (ACE-YT). Prestasi kami dalam bidang-bidang tersebut dihuraikan di bawah.

**Definisi**

Peratusan ahli sektor formal aktif yang mencapai simpanan asas bagi kumpulan umur mereka, berdasarkan sekurang-kurangnya RM240,000 menjelang umur 55 tahun.

**Pencapaian KWSP**

- Memperkenalkan penstrukturan semula akaun KWSP yang bertujuan untuk memperkukuh jaringan keselamatan pendapatan persaraan ahli melalui peningkatan peruntukan caruman ke dalam Akaun Persaraan daripada 70% kepada 75%.
- Memperkukuh pematuhan dan penglibatan majikan, dengan peningkatan sebanyak 1.4% dalam bilangan majikan aktif berbanding tahun 2023.
- Mencatatkan peningkatan sebanyak 63% dalam Caruman Sukarela oleh ahli.
- Mencatatkan peningkatan sebanyak 27% dalam Caruman Melebihi Kadar Berkanun untuk bahagian pekerja.
- Menjalankan 5,020 sesi perundingan peribadi menerusi sesi Khidmat Nasihat Pelanggan (RA), bagi mempersiapkan ahli dengan nasihat kewangan serta panduan persaraan yang bersesuaian dan selamat.
- Pelancaran Rangka Kerja Kecukupan Pendapatan Persaraan (RIA). Rangka Kerja tiga peringkat ini disediakan untuk membimbing ahli mengenai tahap simpanan dan pendapatan yang diperlukan bagi memastikan kelestarian kewangan semasa persaraan.
- Meningkatkan kesedaran tentang penamaan bagi memastikan proses pewarisan berjalan dengan lebih lancar.
- Mempromosikan produk KWSP seperti i-Sayang bagi menyokong kesejahteraan pendapatan persaraan ahli keluarga.
- Bekerjasama dengan Rangkaian Pendidikan Kewangan (FEN), sebuah platform antara agensi yang terdiri daripada institusi dan agensi yang komited untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia, dalam membangunkan dan melaksanakan inisiatif literasi kewangan.
- Menganjurkan pelancaran Bulan Literasi Kewangan dan Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan, dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan FEN, bagi menggalakkan perbincangan dan perkongsian pandangan berkenaan penyelesaian inovatif dalam memperkasa agenda literasi kewangan negara. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan celik kewangan dan memperkasa rakyat Malaysia dengan pengetahuan, kemahiran serta alat untuk membuat keputusan kewangan yang bijak.
- Melaksanakan 41 sesi literasi kewangan khusus untuk pelajar tahun akhir universiti yang telah memberi manfaat kepada 4,049 peserta.

**Sasaran 2024**

34%

**Prestasi pada 2024**

37.3%



KECUKUPAN



LIPUTAN

Definisi

Bilangan ahli aktif berumur antara 15 hingga 64 tahun dalam tenaga kerja yang mencarum kepada KWSP.

Pencapaian KWSP

- Mencatatkan peningkatan sebanyak 3.3% dalam pendaftaran ahli baharu melalui pelbagai saluran termasuk aplikasi mudah alih i-Akaun, terminal layan diri (SST), pendaftaran automatik melalui Borang KWSP 6 (Borang A), kaunter perkhidmatan, dan pendaftaran melalui pos.
- Mencatatkan 71,471 pendaftaran majikan baharu melalui i-Akaun Majikan, yang memudahkan fungsi seperti pendaftaran pekerja baharu dan caruman majikan.
- Menggalakkan caruman sukarela oleh individu bekerja sendiri dan pekerja gig melalui i-Saraan, dengan peningkatan sebanyak 38% dalam kalangan ahli yang mendaftar dan turut membuat caruman.
- Melancarkan i-Lindung Fasa 2, yang membolehkan ahli menggunakan dana dalam Akaun Sejahtera untuk membeli produk insurans dan takaful yang merangkumi perlindungan hayat dan penyakit kritikal untuk ahli keluarga terdekat.
- Sejak dilancarkan, inisiatif i-Sayang telah mencatatkan seramai 102,338 pendaftaran oleh isteri sebagai penerima, sekali gus menzahirkan sumbangannya dalam meningkatkan keterangkuman kewangan dalam kalangan keluarga.
- Bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama dalam penganjuran acara berasaskan komuniti yang menyasarkan pekerja gig dan sektor tidak formal, di samping memperluas penawaran produk dan perkhidmatan kepada golongan muda dan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan. Kami telah menyertai 17 acara dengan kehadiran lebih daripada 19,000 pengunjung reruai.
- Melaksanakan 13,184 program outreach melalui kerjasama strategik di seluruh negara.

Sasaran 2024  
50%

Prestasi pada 2024  
50.2%



PENGALAMAN

Definisi

Skor Promoter Bersih (NPS) ahli yang mengukur pengalaman pelanggan dan menilai tahap kesetiaan pelanggan bagi menilai kepuasan keseluruhan terhadap perkhidmatan KWSP.

Pencapaian KWSP

- Melaksanakan Penstrukturan Semula Akaun KWSP untuk memperkukuh keselamatan pendapatan persaraan ahli, di samping memenuhi keperluan kitaran hayat semasa mereka melalui pelaksanaan Akaun Fleksibel, yang boleh diakses untuk keperluan kewangan jangka pendek.
- Meningkatkan pengalaman pelanggan melalui inovasi perkhidmatan yang berterusan.
- Menambah baik penyelesaian digital, termasuk penambahbaikan EIP, pelaksanaan eKYC, dan sistem Sumber Manusia Digital (Digital HR).
- Memperluas Terminal Layan Diri (SST) bagi meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kepada ahli.

Sasaran 2024  
> +50%

Prestasi pada 2024  
+52%

## PERSEKITARAN OPERASI



## PULANGAN

## Definisi

Gabungan dividen sebenar 3 tahun berturut-turut untuk Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah.

## Pencapaian KWSP

- Memastikan strategi pelaburan keseluruhan kami dipacu oleh Alokasi Aset Strategik jangka panjangnya yang secara konsisten membuktikan keberkesannya dan telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tahan di sebalik ketidakpastian pasaran.
- Mengekalkan kecairan yang teguh dan amalan pengurusan risiko, menyediakan rangka kerja yang membimbing dan melindungi KWSP daripada cabaran serta kejadian yang tidak dijangka.
- Mempelbagaikan pelaburan merentasi pelbagai kelas aset, mandat, pasaran dan sektor, di samping melaksanakan pengurusan portfolio secara aktif.
- Mencapai jumlah Pulangan Pelaburan (ROI) sebanyak 6.66% melalui pelaburan strategik.
- Memperkukuh mandat Ekuiti Persendirian Patuh Syariah bagi mempelbagaikan strategi pelaburan.
- Melaksanakan mandat pelaburan strategik untuk pertumbuhan mampan jangka panjang.

## Sasaran 2024

>2%

## Prestasi pada 2024

3.15%



## KEPERCAYAAN

## Definisi

Tahap kepercayaan pihak berkepentingan terhadap keupayaan penyampaian KWSP.

## Pencapaian KWSP

- Mengekalkan tahap integriti yang tinggi dengan Jabatan Integriti & Tadbir Urus yang berdedikasi.
- Mewujudkan Polisi Pencegahan Rasuah disokong oleh Polisi Tajaan dan Derma.
- Memastikan semua perolehan dilaksanakan selaras dengan Dasar Perolehan KWSP, dengan semua pembekal dikehendaki mematuhi Kod Tatakelakuan Pembekal KWSP (SCOC), yang turut merangkumi elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).
- Membuat siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap semua laporan yang dikemukakan melalui saluran pemberi maklumat.
- Melaporkan prestasi kami secara suku tahunan dan tahunan dengan cara yang telus.

## Sasaran 2024

>75%

## Prestasi pada 2024

83%

## MATLAMAT JANGKA PANJANG KAMI

Bagi mencapai hasrat kami untuk membina masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk Malaysia, kami telah menetapkan matlamat jangka panjang bagi setiap lima (5) bidang tumpuan ACE-YT yang disasarkan untuk dicapai menjelang tahun 2030. Aspirasi masa hadapan kami adalah seperti yang digariskan di bawah.



### KECUKUPAN

#### Matlamat 2030

Mencapai lebih daripada 50% ahli aktif dalam sektor formal yang memenuhi simpanan asas mengikut peringkat umur.

#### Aspirasi Masa Hadapan

Menggunakan pendekatan berbeza yang disesuaikan dengan segmen ahli yang pelbagai merangkumi fasa pengumpulan dan pengeluaran simpanan, bagi memupuk hubungan jangka panjang dengan ahli. Pada masa yang sama, menggalakkan penggunaan kemudahan simpanan melalui pengenalan produk pendapatan persaraan yang lebih berstruktur serta penambahbaikan terhadap penawaran sedia ada bagi memberikan nilai yang lebih tinggi kepada ahli.



### LIPUTAN

#### Matlamat 2030

Memastikan lebih 60% tenaga kerja dilindungi oleh KWSP (ahli aktif).

#### Aspirasi Masa Hadapan

Meluaskan liputan KWSP kepada semua segmen tenaga kerja termasuk pekerja kontrak untuk perkhidmatan.



### PENGALAMAN

#### Matlamat 2030

Secara konsistennya mencapai +50% atau lebih bagi Skor Promoter Bersih.

#### Aspirasi Masa Hadapan

Terus memajukan platform digital kami bagi memastikan interaksi pengguna yang lancar dan intuitif dengan menambah fungsi-fungsi baru serta menerapkan langkah-langkah keselamatan yang lebih baik. Di samping penambahbaikan digital, kami kekal komited untuk meningkatkan pengalaman pelanggan secara keseluruhannya dengan menambah baik proses, menawarkan perkhidmatan yang khusus, dan menyediakan sokongan cemerlang di semua saluran yang terlibat.



### PULANGAN

#### Matlamat 2030

Mencapai kadar dividen sebenar purata tiga tahun melebihi 2%.

#### Aspirasi Masa Hadapan

Memastikan Alokasi Aset Strategik kami diperkukuhkan, menambah baik rangka kerja kecairan dan pengurusan risiko, serta memperluas kepelbagaian pelaburan di seluruh kelas aset dan pasaran global. Memperkasa pengurusan portfolio secara aktif dan memanfaatkan analitik canggih untuk menyokong keputusan pelaburan yang lebih bermaklumat dan berkesan.



### KEPERCAYAAN

#### Matlamat 2030

Mencapai Skor Kepercayaan melebihi 75%.

#### Aspirasi Masa Hadapan

Memperkukuh komitmen kami terhadap integriti dan ketelusan dengan mempertingkatkan inisiatif tadbir urus, mengukuhkan langkah pencegahan rasuah, dan menuju ke arah pelaksanaan penuh platform pengurusan risiko rasuah menjelang tahun 2025. Komitmen ini turut disokong melalui pelaporan prestasi suku tahunan dan tahunan yang dibuat secara konsisten dan telus.

## PERSEKITARAN OPERASI

### Memacu Kemajuan ESG

Pada tahun 2024, KWSP meneruskan transformasi ke arah kelestarian menyeluruh peringkat organisasi dengan mengintegrasikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam proses membuat keputusan. Pendekatan ini memastikan penciptaan nilai bukan sahaja tertumpu kepada pulangan kewangan, malah turut menjana impak positif dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial.

Secara khususnya, pendekatan kami didokong oleh dua (2) strategi utama:

#### 1. Memperkukuh Keupayaan ESG dan Amalan Pelaburan

Komitmen kami terhadap ESG dibuktikan melalui pelancaran Dasar Pemantauan ESG. Ia merupakan dasar pemantauan pertama oleh pelabur institusi Malaysia, yang menetapkan amalan terbaik kelestarian dalam kalangan syarikat pelaburan dan pengurus dana luaran. Kami turut membangunkan rangka kerja pelaburan yang sejajar dengan ESG bagi memperkukuh daya tahan portfolio, mengurus risiko berkaitan iklim, serta menyelaraskan pelaburan dengan piawaian kelestarian antarabangsa.

Bagi terus menyokong pelaburan bertanggungjawab, platform i-Invest telah dipertingkatkan dengan ciri penandaan ESG. Ini membolehkan ahli mendapat gambaran lebih jelas tentang dana patuh ESG dan dapat membuat keputusan pelaburan yang lebih berinformasi.

#### 2. Penerapan Amalan Kelestarian Merentasi Organisasi


Pelan Kelestarian Organisasi kami, yang telah diluluskan pada Februari 2024, berfungsi sebagai rangka kerja strategik untuk mengamalkan prinsip kelestarian di seluruh peringkat organisasi. Pelan menyeluruh ini merangkumi pendekatan kami dalam menerapkan kelestarian bermula dengan menjadi penanda aras terhadap piawaian global. Ia juga mengandungi penilaian materialiti untuk mengenal pasti dan memfokuskan keutamaan kelestarian yang utama.

Teras utama pelan ini menjadi satu rangka kerja dan strategi kelestarian yang kukuh, disertai inisiatif praktikal serta sasaran yang jelas dan boleh diukur bagi mendorong impak jangka panjang dan memastikan kebertanggungjawaban. Sebagai pelengkap kepada pelan tersebut, penunjuk prestasi utama (KPI) berkaitan kelestarian dan ESG telah diintegrasikan merentasi semua peringkat kakitangan, bagi mendorong pasukan kami mencapai prestasi lebih baik dalam metrik utama yang ditetapkan.

# PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Memahami kepentingan dan keprihatinan pihak berkepentingan adalah penting untuk merangka dan melaksanakan strategi yang menjana nilai mampan, di samping menzahirkan komitmen kami terhadap ketelusan dan tadbir urus yang baik.

Pada tahun 2024, kami telah mengenal pasti kumpulan pihak berkepentingan utama kami, dengan mengambil kira keupayaan mereka untuk mempengaruhi dan dipengaruhi oleh keputusan serta aktiviti kami dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.




# PERKARA MATERIAL

Perkara material kami mewakili isu-isu yang memberi impak terbesar kepada organisasi dan pihak berkepentingan. Oleh itu, perkara ini menjadi asas kepada strategi perniagaan dan kelestarian organisasi ini.


Sebagai sebahagian daripada pelan kelestarian organisasi, kami telah menjalankan penilaian materialiti yang menyeluruh pada tahun 2023. Proses ini melibatkan pandangan daripada 39 sesi temu bual mendalam dan respons daripada lebih 2,700 peserta kaji selidik merentas pelbagai kumpulan pihak berkepentingan. Hasilnya, satu penilaian yang menyeluruh dan kukuh terhadap kesan semasa dan yang telah dijangka daripada isu-isu utama berjaya diperolehi.

Penilaian ini mengikut pendekatan tiga langkah yang berstruktur, yang bermula dengan mengenal pasti dan menambah baik topik material yang berpotensi, diikuti dengan penilaian terhadap kepentingan dan potensi impak setiap topik. Langkah terakhir pula melibatkan pembangunan matriks materialiti – memetakan setiap isu berdasarkan perkaitan setiap perkara yang terlibat dengan perniagaan dan kesannya terhadap pihak berkepentingan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keputusan strategik kami kekal tertumpu kepada bidang yang paling penting dan memberi nilai jangka panjang.



Pada tahun 2024, kami telah menjalankan semakan desktop dan menjalankan proses pengesahan terhadap perkara material organisasi ini, dan kami telah berjaya mengesahkan bahawa perkara material organisasi ini kekal paling relevan kepada perniagaan dan pihak berkepentingan mengikut keadaan makroekonomi dan domestik semasa. Oleh itu, matriks materialiti kami kekal tidak berubah daripada tahun sebelumnya.

**MATRIKS MATERIALITI**



**Memangkin Kehidupan dan Pendapatan yang Lebih Baik**

- M1 Jaminan Pendapatan Persaraan
- M2 Liputan KWSP dan Advokasi Ahli
- M3 Pembentukan Polisi dan Libat Urus Kawal Selia
- M4 Literasi Kewangan
- M5 Gaji Saksama dan Wajar
- M6 Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi
- M7 Impak Sosial yang Lebih Besar

**Memacu Tindakan Iklim**

- M8 Pelepasan GHG Organisasi
- M9 Penggunaan dan Pengurusan Sisa yang Berhemah
- M10 Liputan Hijau

**Membangunkan Potensi Modal Insan**

- M11 Latihan Semula / Peningkatan Kemahiran Pekerja
- M12 Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja
- M13 Amalan Pekerjaan yang Adil dan Inklusif

**Melestarikan Pertumbuhan dan Tadbir Urus**

- M14 Prestasi Kewangan
- M15 Pelaburan Lestari
- M16 Ketelusan, Etika Perniagaan dan Anti-Rasuah
- M17 Pendigitalan, Inovasi dan Keselamatan Siber
- M18 Pengalaman dan Libat Urus Pelanggan
- M19 Pengurusan Rantaian Bekalan Mampan

## PERKARA MATERIAL

### MEMANGKIN KEHIDUPAN DAN PENDAPATAN YANG LEBIH BAIK

#### M1 — JAMINAN PENDAPATAN PERSARAAN

Kami berhasrat untuk memastikan ahli mempunyai simpanan yang mencukupi semasa bersara dan memiliki pendapatan gantian yang mencukupi sepanjang tempoh persaraan mereka.

##### Mengapa Perkara Ini Penting

Matlamat kami adalah untuk membina masa hadapan persaraan yang lebih baik di Malaysia dengan memastikan setiap ahli kami, para pekerja dan masyarakat secara amnya mempunyai simpanan dan pendapatan persaraan yang mencukupi.

##### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Membolehkan setiap ahli kami menikmati persaraan yang bermakna serta menjalani kualiti hidup yang semakin meningkat.
- Menyokong keselamatan kewangan jangka panjang setiap ahli kami.

#### M2 — LIPUTAN KWSP DAN ADVOKASI AHLI

Kami mendidik dan memastikan ahli-ahli kami mengetahui hak mereka serta menyuarakan pendapat mengenai liputan KWSP sepanjang tempoh pekerjaan mereka.

##### Mengapa Perkara Ini Penting

Memandangkan caruman KWSP merupakan perkara mandatori, adalah amat penting bagi semua majikan untuk mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan, manakala pekerja pula mempunyai akses kepada sumber kewangan untuk persaraan mereka.

##### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Memastikan majikan melakukan caruman KWSP pekerja mereka tepat pada masanya.
- Mengurangkan tekanan dan kebergantungan ahli terhadap jaringan keselamatan sosial semasa persaraan.

#### M3 — PEMBENTUKAN POLISI DAN LIBAT URUS KAWAL SELIA

Kami bekerjasama dan menyokong badan kawal selia yang lain dalam merangka dasar ke arah persaraan yang lebih baik dan memperkukuh liputan KWSP bagi setiap ahli.

##### Mengapa Perkara Ini Penting

Kedudukan, keupayaan dan pengaruh kami dalam pembentukan dasar membolehkan kerjasama erat dengan jabatan kerajaan yang lain untuk memajukan matlamat dan misi kami.

##### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Membolehkan dasar yang lebih berkesan untuk setiap ahli menikmati waktu persaraan yang lebih baik.
- Meningkatkan pematuhan kawal selia dalam organisasi dan dalam kalangan pihak berkepentingan.

#### M4 — LITERASI KEWANGAN

Dengan meningkatkan kesedaran mengenai kewangan dan perancangan persaraan, kami dapat mempengaruhi ahli untuk mencarum secara lebih aktif serta meningkatkan keupayaan membuat keputusan kewangan dengan lebih bijak.

##### Mengapa Perkara Ini Penting

Literasi dan pengetahuan kewangan selaras dengan misi kami untuk membantu setiap ahli mencapai pendapatan persaraan yang selesa, di samping mengekalkan kepercayaan mereka terhadap KWSP dengan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai prestasi kami berbanding dana simpanan yang lain.

##### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Membantu mengekalkan caruman tetap kepada pihak KWSP dan mengurangkan kebergantungan terhadap pengeluaran dana KWSP.
- Meningkatkan pengetahuan kewangan ahli dan masyarakat, bukan sahaja untuk perancangan persaraan tetapi juga bagi mencapai matlamat kewangan yang lain.

### M5 — GAJI YANG SAKSAMA DAN WAJAR

Gaji yang wajar membolehkan setiap ahli, pekerja dan masyarakat secara keseluruhan dapat menyimpan pada kadar yang lebih tinggi untuk tujuan persaraan di samping dapat menyokong keperluan semasa mereka, selaras dengan kos sara hidup.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Gaji yang lebih tinggi berkait rapat dengan caruman KWSP yang lebih besar, serta membolehkan kami untuk menambah dana dan meningkatkan kadar perlindungan sosial semasa persaraan.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Menyokong jaringan keselamatan kewangan jangka panjang dan mengurangkan tekanan kewangan dalam kalangan ahli, terutamanya kumpulan B40.
- Meningkatkan taraf hidup ahli dan masyarakat.

### M6 — PELUANG PEKERJAAN BERNILAI TINGGI

Sebahagian daripada peranan kami adalah untuk membantu merangka dasar pekerjaan bagi mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi, yang membolehkan setiap individu membina sumber pendapatan yang mampan dan membuat simpanan persaraan.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Akses kepada pekerjaan yang berkualiti adalah aspek yang sangat penting bagi memastikan keselamatan kewangan setiap ahli sepanjang tempoh bekerja hingga ke alam persaraan. Memudahkan peluang pekerjaan seperti ini juga membantu setiap individu untuk menyumbang dengan lebih berkesan terhadap ekonomi negara dan melonjak kepada rantaian pekerjaan dengan nilai yang lebih tinggi.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Meningkatkan pendapatan dan keupayaan untuk menyimpan secara lebih konsisten.
- Menggalakkan majikan untuk melabur dalam peningkatan kemahiran pekerja dan mobiliti kerjaya.

### M7 — IMPAK SOSIAL YANG LEBIH BESAR

Kami berhasrat untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti hidup ahli semasa tempoh persaraan mereka.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Sokongan kami kepada ahli berterusan hingga ke fasa persaraan, termasuk penyediaan manfaat sosial seperti insurans, sekali gus memperkukuh peranan kami dalam membantu mereka menikmati persaraan yang bermakna.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Meningkatkan akses ahli kepada fasiliti sokongan persaraan bukan kewangan seperti penjagaan kesihatan, penjagaan warga emas, pendidikan kewangan dan sebagainya.
- Menyokong persaraan yang lebih bermakna, membolehkan setiap ahli menikmati kualiti hidup yang lebih baik, serta terus menyumbang kepada ekonomi sekiranya mereka memilih untuk berbuat demikian.

## PERKARA MATERIAL

### MEMACU TINDAKAN IKLIM

#### M8 — PELEPASAN GHG ORGANISASI

Kami memacu kelestarian alam sekitar dengan menjejak, mengawal dan mengurangkan bukan sahaja pelepasan gas rumah hijau (GHG) kami sendiri, tetapi juga pelepasan bahan ini daripada syarikat pelaburan kami.

##### **Mengapa Perkara Ini Penting**

Mengambil kira kesan perubahan iklim yang semakin ketara melalui fenomena cuaca ekstrem, kami komited untuk mengurangkan pelepasan GHG Skop 1, 2 dan 3, di samping menasihati syarikat pelaburan kami untuk melakukan perkara yang sama.

##### **Kesan Kepada Pihak Berkepentingan**

- Memastikan kelestarian organisasi kami pada masa hadapan dengan mengintegrasikan risiko iklim dalam pertimbangan pelaburan dan operasi.
- Menggalakkan syarikat pelaburan kami untuk turut komited mengurangkan pelepasan GHG, selaras dengan matlamat kerajaan supaya beralih kepada ekonomi karbon rendah menjelang 2050.

#### M9 — PENGGUNAAN DAN PENGURUSAN SISA YANG BERHEMAH

Kami komited untuk meminimumkan sebarang penggunaan bahan secara berlebihan dan mengurangkan sisa dalam operasi kami, dengan mengalihkan sebarang sisa yang boleh dikitar semula.

##### **Mengapa Perkara Ini Penting**

Walaupun kebanyakan sisa yang dihasilkan oleh organisasi kami adalah sisa pejabat dan sisa bandar yang tidak berbahaya, kami tetap komited terhadap penggunaan berhemah untuk menjimatkan kos dan mengurangkan jejak alam sekitar kami.

##### **Kesan Kepada Pihak Berkepentingan**

- Mengurangkan pencemaran alam sekitar akibat penghasilan sisa, di samping dapat menggalakkan pengurusan sisa secara kitaran.
- Meningkatkan kecekapan operasi, contohnya dengan menggunakan sistem tanpa kertas dan pendigitalan.

#### M10 — LIPUTAN HIJAU

Bahagian hartanah telah membentuk sebahagian besar daripada portfolio pelaburan kami. Oleh itu, kami komited untuk meningkatkan liputan kawasan pokok dan tumbuh-tumbuhan dalam pelaburan hartanah kami.

##### **Mengapa Perkara Ini Penting**

Usaha penghijauan bukan sahaja dapat memperbaiki alam sekitar dan meningkatkan biodiversiti, tetapi juga mampu menaikkan kebolehpasaran hartanah, terutamanya di kawasan bandar dengan harga hartanah yang lebih tinggi. Penanaman pokok juga berpotensi menyerap dan/atau mengimbangi pelepasan GHG kami.

##### **Kesan Kepada Pihak Berkepentingan**

- Memupuk ruang hijau dan biodiversiti untuk komuniti.
- Menggalakkan syarikat pelaburan kami, terutamanya yang memiliki portfolio hartanah yang besar, untuk meningkatkan liputan kehijauan.

## MEMBANGUNKAN POTENSI MODAL INSAN

### M11 — LATIHAN SEMULA / PENINGKATAN KEMAHIRAN PEKERJA

Kami komited untuk membangunkan keupayaan dalaman, bermula dengan asas kejayaan kami – tenaga kerja kami.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Kualiti dan keupayaan kakitangan merupakan aset utama kami yang secara langsung memberi kesan kepada prestasi pelaburan dan kecekapan operasi. Justeru, pembinaan kemahiran dan kecekapan institusi adalah kritikal, terutamanya dalam landskap teknologi yang pesat berubah.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Meningkatkan prestasi kewangan, kapasiti institusi dan daya tahan organisasi.
- Melengkapkan pekerja dengan kemahiran lanjutan seiring dengan teknologi yang sedang berkembang.

### M12 — KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN PEKERJA

Kejayaan kami bergantung kepada tahap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kakitangan, yang secara langsung menyumbang kepada organisasi yang lebih berdaya tahan dan bertanggungjawab.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Selaras dengan kepentingan KWSP dalam mengekalkan kesejahteraan tenaga kerja, pembentukan persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat adalah asas bagi merealisasikan potensi dan produktiviti sesebuah organisasi sepenuhnya.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Meningkatkan interaksi dalam kalangan pekerja dan memperbaiki kualiti perkhidmatan kepada setiap ahli.
- Menambah baik kepuasan kerja, produktiviti dan pengekalan bakat dalam organisasi.

### M13 — AMALAN PEKERJAAN YANG ADIL DAN INKLUSIF

Kami mengutamakan kepelbagaian dan peluang yang saksama dalam usaha menarik dan mengekalkan bakat, serta dalam menentukan gaji, faedah dan peluang bagi perkembangan kerjaya yang lebih adil.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Untuk memastikan keadilan dan inklusiviti dalam amalan pekerjaan membolehkan kami merekrut dan mengekalkan keupayaan untuk memberikan prestasi kerja terbaik, serta menggalakkan inovasi melalui pelbagai perspektif yang telah diwujudkan.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Meningkatkan reputasi KWSP sebagai majikan pilihan.
- Menyokong kepelbagaian pengalaman setiap ahli yang relevan secara budaya serta bagi tujuan pembangunan operasi.

## PERKARA MATERIAL

### MELESTARIKAN PERTUMBUHAN DAN TADBIR URUS

#### M14 — PRESTASI KEWANGAN

Keupayaan kami untuk mengekalkan prestasi pelaburan yang kukuh memberi kesan secara langsung terhadap dana ahli kami.

##### **Mengapa Perkara Ini Penting**

Prestasi kewangan organisasi ini berkait rapat dengan objektif untuk meningkatkan dan melindungi simpanan persaraan setiap ahli. Dalam masa yang sama, kami turut mengekalkan kepercayaan awam terhadap keupayaan KWSP dengan mengekalkan prestasi dividen yang kukuh.

##### **Kesan Kepada Pihak Berkepentingan**

- Meningkatkan dana ahli, menyokong mereka semasa tempoh persaraan.
- Menggalakkan pertumbuhan syarikat pelaburan kami.

#### M15 — PELABURAN LESTARI

Kami turut mengintegrasikan pertimbangan ESG dalam keputusan pelaburan kami di samping menggalakkan amalan ESG dalam syarikat pelaburan kami.

##### **Mengapa Perkara Ini Penting**

Melalui pelaburan yang mampan ini, kami berupaya meningkatkan pulangan kewangan dengan risiko yang telah diselaraskan di samping turut menyokong objektif kemampanan negara.

##### **Kesan Kepada Pihak Berkepentingan**

- Mengekalkan prestasi dana dan meningkatkan keselamatan kewangan setiap ahli.
- Mendorong kemampanan melalui aktiviti pelaburan, selaras dengan aktiviti dana persaraan lain di peringkat global.

#### M16 — KETELUSAN, ETIKA PERNIAGAAN DAN ANTI-RASUAH

Kami amat mementingkan ketelusan dan etika dalam semua aktiviti pelaburan dan operasi kami, dengan toleransi sifar terhadap rasuah.

##### **Mengapa Perkara Ini Penting**

Sebagai sebuah badan awam, menjadi tanggungjawab kami untuk bertindak secara beretika dan telus. Ini adalah sebahagian daripada amanah yang kami pegang untuk melindungi dan menambah nilai simpanan setiap ahli, di samping mengekalkan kepercayaan terhadap institusi kami dan kerajaan.

##### **Kesan Kepada Pihak Berkepentingan**

- Memastikan dana setiap ahli diuruskan secara beretika dan bertanggungjawab.
- Mengekalkan kepercayaan awam terhadap KWSP, syarikat pelaburan, rakan niaga dan kerajaan.

### M17 — PENDIGITALAN, INOVASI DAN KESELAMATAN SIBER

Kami berusaha meningkatkan kecekapan organisasi melalui inovasi dan penggunaan teknologi digital terkini, termasuk memperkukuh pertahanan keselamatan siber.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Pendigitalan memacu operasi dan tenaga kerja masa depan, membolehkan akses yang lebih cekap, menghasilkan produk yang lebih baik dan operasi yang lebih produktif. Namun, perkara ini akan turut mendedahkan organisasi terhadap risiko serangan siber. Justeru, kedudukan keselamatan siber yang kukuh penting bagi melindungi data dan mengekalkan kesinambungan perniagaan.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Meningkatkan kecekapan melalui perkhidmatan digital baharu, mengurangkan kesilapan manusia dan memperbaiki akses serta liputan untuk ahli.
- Melindungi maklumat peribadi ahli daripada pelanggaran keselamatan siber.

### M18 — PENGALAMAN DAN PENGLIBATAN PELANGGAN

Kami berhasrat untuk menambahbaik pengalaman ahli-ahli kami pada setiap peringkat interaksi pelanggan yang disediakan.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Pengalaman pelanggan yang baik dapat membantu meningkatkan liputan KWSP, mengukuhkan keyakinan ahli serta menggalakkan mereka untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengurus simpanan persaraan mereka.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Menyokong kebolehcapaian yang lebih baik untuk meningkatkan liputan KWSP serta membantu ahli membuat keputusan bermaklumat melalui khidmat nasihat peribadi.
- Meningkatkan reputasi KWSP sebagai organisasi yang boleh dipercayai, cekap dan diyakini.

### M19 — PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN MAMPAN

Kami komited terhadap kelestarian bukan sahaja dalam aspek operasi, tetapi juga dalam aspek rantaian bekalan. Ini termasuk memastikan etika layanan terhadap pihak pembekal dan komitmen mereka untuk mengurangkan pelepasan tanpa menjejaskan keupayaan mereka untuk terus berkhidmat.

#### Mengapa Perkara Ini Penting

Sebagai institusi pelaburan utama dan badan awam yang utama, kami menggunakan pengaruh untuk memastikan rantaian bekalan sejajar dengan prinsip ESG yang telah ditetapkan, mengurangkan risiko reputasi, operasi dan alam sekitar, serta memperkukuh prestasi pembekal bagi jangka panjang.

#### Kesan Kepada Pihak Berkepentingan

- Menggalakkan akauntabiliti ESG dan penambahbaikan berterusan untuk pembekal kami.
- Mencerminkan komitmen kami terhadap ESG, selaras dengan objektif kemampanan negara Malaysia.

# ULASAN PELABURAN



**RM1,249.71 bilion**

Jumlah Aset Di Bawah Pengurusan

**RM782 bilion**  
Aset Domestik

**RM467 bilion**  
Aset Luar Negara

## ULASAN BAHAGIAN PELABURAN

Bahagian Pelaburan memainkan peranan penting dalam memastikan KWSP mencapai objektif pelaburan strategiknya. Objektif ini berteraskan kepada rangka kerja Alokasi Aset Strategik (SAA) yang dikaji semula setiap tiga tahun. Rangka kerja ini direka untuk mengoptimumkan pulangan jangka panjang sambil mengekalkan tahap risiko yang boleh diterima. Berpandukan rangka kerja tersebut, pasukan pelaburan memperuntukkan simpanan ahli merentasi pelbagai kelas aset, wilayah geografi dan sektor, sekali gus mengurangkan penumpuan risiko dan memaksimumkan manfaat kepelbagaian pelaburan.



Bermula 2024, KWSP telah memperkenalkan pemisahan strategik antara Simpanan Konvensional dengan Simpanan Syariah yang membolehkan setiap portfolio diurus secara berasingan. Perubahan struktur ini membolehkan strategi pelaburan disesuaikan mengikut profil risiko, mandat dan objektif kedua-dua dana tersebut.

Bahagian Pelaburan kekal komited terhadap dua mandat pelaburannya: iaitu untuk memberikan pulangan yang konsisten kepada ahli melalui pengisytiharan dividen nominal tidak kurang daripada 2.50% setiap tahun, dan untuk mencapai dividen sebenar sekurang-kurangnya 2.00% (selepas pelarasan inflasi) secara purata bagi tempoh tiga tahun pusingan.

## PORTFOLIO PELABURAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA

Sehingga 2024, KWSP telah menguruskan sejumlah RM1,249.71 bilion Aset Di Bawah Pengurusan (AUM), yang merangkumi RM782 bilion aset domestik dan RM467 bilion aset luar negara. Aset-aset ini telah dipelbagaikan secara strategik merentasi empat kelas aset utama – ekuiti, instrumen pendapatan tetap, hartanah dan infrastruktur, serta instrumen pasaran wang yang secara kolektifnya menyediakan gabungan seimbang antara pertumbuhan, pendapatan, kestabilan dan kecairan.

Bagi portfolio domestik, 25% diperuntukkan kepada ekuiti, 67% kepada instrumen pendapatan tetap, 2% kepada hartanah dan infrastruktur, manakala 6% kepada instrumen pasaran wang. Portfolio aset luar negara pula lebih tertumpu kepada pasaran ekuiti, dengan 74% diperuntukkan kepada ekuiti, 12% kepada pendapatan tetap, dan 14% kepada hartanah serta infrastruktur.



- Pendapatan Tetap
- Ekuiti
- Instrumen Pasaran Wang
- Hartanah dan Infrastruktur

## TINJAUAN LANDSKAP PELABURAN PADA 2024

Pertumbuhan ekonomi global sederhana kepada 3.3% pada 2024, berikutan pelonggaran dasar monetari yang ketat sebelum ini serta tekanan inflasi yang semakin reda. Walaupun terdapat penambahbaikan, pertumbuhan kekal tidak sekata antara rantau. Ekonomi Amerika Syarikat kekal kukuh, disokong oleh pasaran buruh yang teguh dan penurunan kadar inflasi, manakala ekonomi utama lain masih berdepan dengan risiko dan cabaran yang tinggi akibat ketidaktentuan politik serta konflik serantau.

Di peringkat domestik, ekonomi Malaysia menunjukkan ketahanan yang lebih kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 5.1%. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, pemulihan sektor eksport, serta kestabilan politik yang berterusan dan menarik pelaburan domestik dan asing.

## PRESTASI PELABURAN KESELURUHAN PADA 2024

Walaupun berdepan cabaran dalam persekitaran pelaburan, KWSP berjaya mencatat jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM75.18 bilion, meningkat sebanyak 11.56% berbanding RM67.39 bilion pada 2023. Prestasi ini diterjemahkan kepada pulangan pelaburan direalisasi (ROI) sebanyak 6.66%, yang mencerminkan ROI bagi tempoh tiga tahun pusingan sebanyak 6.40%.

Pada 2024, pelaburan domestik menjana sebanyak RM37.02 bilion, atau 49.7% daripada jumlah pendapatan pelaburan, manakala aset global telah menjana pendapatan sebanyak RM37.44 bilion, iaitu 50.3% daripada jumlah pendapatan pelaburan. Daripada jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM74.46 bilion, sebanyak RM63.59 bilion telah dijana untuk Simpanan Konvensional, manakala RM10.87 bilion bagi Simpanan Syariah.

Sepanjang 2024, aset pelaburan kami telah meningkat sebanyak 10.03%, daripada RM1,135.82 bilion kepada RM1,249.71 bilion. Peningkatan ini dipacu oleh pendapatan portfolio yang kukuh serta pertumbuhan caruman tahunan yang menggalakkan sebanyak 11% tahun ke tahun (YoY). Bagi 2024, KWSP merekodkan jumlah caruman positif sebanyak RM108.22 bilion, berbanding RM97.56 bilion pada 2023.

## PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KELAS ASET

Prestasi KWSP terus dipacu oleh pematuhan yang konsisten terhadap rangka kerja SAA, yang memastikan keseimbangan portfolio dicapai melalui gabungan risiko dan pulangan yang optimum. Pendekatan ini turut memperkukuh daya tahan terhadap sebarang kejutan dalam ekosistem kewangan.

Daripada jumlah keseluruhan pendapatan pelaburan, sebanyak 67% disumbangkan oleh portfolio Ekuiti, yang mencatatkan pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 9.90% (113bps lebih tinggi berbanding 2023). Portfolio ini merangkumi pelaburan dalam ekuiti awam dan swasta. Pendapatan kasar daripada ekuiti yang menunjukkan hasil sebelum sebarang pelunasan nilai, berjumlah RM50.51 bilion. Selepas mengambil kira pelunasan nilai sebanyak RM0.72 bilion, pendapatan bersih ekuiti adalah sebanyak RM49.79 bilion. Ini

menekankan prestasi kukuh dan sumbangan signifikan kelas aset ini terhadap keseluruhan pulangan pelaburan. Ekuiti awam kasar menjana pendapatan sebanyak RM46.84 bilion, meningkat daripada RM34.25 bilion pada 2023, manakala pendapatan daripada ekuiti swasta berjumlah RM3.67 bilion. Kelas aset ini mencatatkan peningkatan ketara dalam pendapatan pelaburan kasar sebanyak 28%, berbanding RM39.41 bilion pada 2023.

Sementara itu, instrumen pendapatan tetap menjana sebanyak RM21.91 bilion, meningkat sebanyak 11% berbanding 2023. Segmen ini menyumbang 29% daripada jumlah keseluruhan pendapatan, dengan ROI sebanyak 4.27%.

Pelaburan hartanah dan infrastruktur pula menyumbang sebanyak RM1.64 bilion, bersamaan 2% daripada jumlah keseluruhan pendapatan. Walaupun ia menurun daripada RM6.07 bilion pada tahun 2023, kelas aset ini terus memberikan ROI yang stabil sebanyak 5.13%, disokong oleh pendapatan boleh agih dan pendapatan yang direalisasikan.

Instrumen pasaran wang menyumbang sebanyak RM1.12 bilion, atau 2% daripada jumlah pendapatan, menurun daripada RM2.17 bilion pada tahun sebelumnya. ROI bagi kelas aset ini dicatat pada 1.89%. Penurunan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh kerugian pertukaran mata wang asing dan pengukuhan Ringgit Malaysia (MYR), yang mengakibatkan pengurangan nilai pendapatan asing selepas penukaran mata wang.

## DIVIDEN

Pada tahun 2024, selepas mengambil kira pelarasan bagi penurunan nilai, kos pelaburan dan pelarasan statutori, KWSP telah mengisytiharkan jumlah agihan dividen sebanyak RM73.24 bilion, meningkat daripada RM57.81 bilion pada 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak RM63.05 bilion diagihkan kepada ahli Simpanan Konvensional, manakala RM10.19 bilion diagihkan kepada ahli Simpanan Syariah. Pendapatan bagi Simpanan Syariah dijana sepenuhnya daripada portfolio Syariah, manakala pendapatan bagi Simpanan Konvensional diperolehi daripada kedua-dua portfolio Syariah dan Konvensional.

Dividen yang diisytiharkan ini adalah bersamaan dengan kadar efektif sebanyak 6.30% bagi kedua-dua dana, berbanding 5.50% bagi Simpanan Konvensional dan 5.40% bagi Simpanan Syariah pada tahun sebelumnya-jauh melebihi kadar minimum yang ditetapkan iaitu 2.50%. Bagi tempoh tiga tahun pusingan, kadar dividen sebenar terus melepasi ambang sasaran sebanyak 2.00%, dengan kadar 6.30% dicatatkan bagi kedua-dua portfolio pada 2024.

Bagi tempoh tiga tahun pusingan, kadar dividen sebenar terus melepasi ambang sasaran sebanyak **2.00%**, dengan kadar **6.30%** dicatatkan bagi kedua-dua portfolio pada 2024.

## ULASAN PELABURAN

### PENGURUSAN KECAIRAN

Mengekalkan kedudukan kecairan yang kukuh kekal sebagai keutamaan KWSP bagi memastikan pengeluaran ahli dan tanggungjawab kewangan lain dapat dipenuhi dengan cekap. Pengurusan kecairan ini dilaksanakan melalui pemantauan berterusan terhadap nisbah-nisbah utama, seperti Nisbah Perlindungan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pembiayaan Bersih (NFR), yang menjadi panduan dalam strategi pelaburan bagi memastikan tahap kecairan yang kukuh dan mencukupi.

KWSP turut mengurus kecairan secara strategik dengan memperuntukkan tunai dan aset pasaran wang berpandukan kepada Peruntukan Aset Taktikal (TAA), bagi memastikan akses segera kepada dana apabila diperlukan. Pada masa yang sama, KWSP mengekalkan kepelbagaian portfolio yang kukuh merentasi pelbagai mandat, pasaran dan profil kecairan. Pendekatan ini meningkatkan fleksibiliti KWSP untuk merebut peluang pelaburan merentasi pelbagai kitaran ekonomi.

Menjelang akhir tahun kewangan 2024, KWSP mengekalkan kedudukan tunai yang sihat dan menunjukkan keupayaan untuk memberikan pulangan dividen yang berdaya saing, walaupun dalam persekitaran yang tidak menentu dan mencabar.

### PELABURAN LESTARI

Berpandukan komitmen terhadap penciptaan nilai jangka panjang dan pengurusan risiko yang mampan, KWSP terus memperkukuh agenda pelaburan lestari melalui penyepaduan secara progresif faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam proses membuat keputusan pelaburan dan aktiviti tadbir urus.

Pendekatan ini dipandu oleh Polisi Pelaburan Lestari KWSP yang menjadi teras utama dalam rangka kerja penyepaduan ESG kami. Dasar ini menggariskan prinsip-prinsip utama dan metodologi menyeluruh bagi mengintegrasikan pertimbangan kelestarian dalam seluruh proses pelaburan dan aktiviti libat urus dengan pihak berkepentingan.

Polisi Pelaburan Lestari ini disokong oleh Polisi Perubahan Iklim dan Polisi Kesejahteraan Pekerja, yang menetapkan pendirian KWSP terhadap isu sistemik seperti perubahan iklim dan kebajikan tenaga kerja. Ini disusuli dengan enam (6) Polisi Sektor Keutamaan yang merangkumi industri berimpak tinggi, termasuk Minyak dan Gas, Sawit, Penjana Tenaga, Perlombongan, Pembinaan, dan Perbankan. Kesemua polisi ini secara kolektif menggambarkan harapan kami terhadap pematuhan prinsip ESG oleh syarikat penerima pelaburan dan pengurus dana luaran.

#### Polisi-Polisi Pelaburan KWSP



Bagi memperkukuh komitmen terhadap pelaburan yang bertanggungjawab, KWSP telah menerbitkan Polisi Tadbir Urus Pelaburan Lestari sulung pada tahun yang dikaji, berteraskan falsafah asas tadbir urus pelaburan KWSP. Polisi ini menetapkan proses dan garis panduan yang digunapakai oleh KWSP dalam

melaksanakan hak-hak pelabur bagi menggalakkan amalan kelestarian yang kukuh dalam kalangan syarikat penerima pelaburan dan pengurus dana luaran. Ia merangkumi aktiviti tadbir urus utama seperti pemantauan berterusan, libat urus dan tindakan susulan secara berperingkat, sejajar dengan piawaian tadbir urus tempatan dan global. Dengan memanfaatkan pengaruh kami untuk memajukan penerapan amalan kelestarian dalam kalangan syarikat penerima pelaburan dan pengurus dana luaran, kami menunaikan amanah fidusiari untuk memaksimumkan pulangan terlaras risiko pada peringkat portfolio serta menjana nilai mampan jangka panjang kepada ahli.

Komitmen kami terhadap pelaburan lestari diperkukuh lagi melalui peranan kami sebagai penandatangani kepada Prinsip-Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Enam prinsip PRI ini dijadikan panduan utama dalam mengintegrasikan pertimbangan ESG dalam membuat keputusan pelaburan dan amalan tadbir urus kami.

Salah satu mekanisme utama dalam rangka kerja pelaburan lestari kami ialah pelaksanaan Kajian Kelestarian, yang dijalankan ke atas semua cadangan pelaburan baharu dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan Pengurusan serta Panel Pelaburan. Kajian ini adalah untuk memastikan setiap pelaburan selari dengan falsafah dan Polisi Pelaburan Lestari KWSP, selain menangani sebarang penglibatan dalam kontroversi ESG yang material.

Pada 2024, KWSP terus memperkukuh amalan pelaburan lestari secara menyeluruh dan peningkatan ketara ini telah dizahirkan melalui penilaian Pelaporan Tahunan PRI, dengan skor dalam setiap kategori sama ada mencapai atau melepasi paras median PRI. Tiga modul berjaya memperoleh penarafan 4 bintang berbanding dua modul pada tahun 2023. Keputusan ini merupakan bukti usaha berterusan kami dalam memajukan penyepaduan ESG dan amalan tadbir urus pelaburan, merangkumi pelaburan yang diurus secara dalaman mahupun luaran.

KWSP memberikan tumpuan utama terhadap amalan tadbir urus pelaburan yang aktif. Kami menjalankan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan dan pihak berkepentingan lain bagi mempengaruhi pencapaian hasil kelestarian yang mampan. Tadbir urus pelaburan yang efektif ini memastikan pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan, kompetitif dan sejajar dengan piawaian global. Seperti yang digariskan dalam Polisi Pelaburan Lestari KWSP, falsafah tadbir urus kami menjadi panduan bagi perkara-perkara berkaitan undian proksi, pemantauan, libat urus yang aktif dan inisiatif kerjasama.

Libat urus kekal sebagai elemen terpenting dalam mendukung usaha tadbir urus pelaburan kami. Melalui sesi dialog berterusan bersama pihak berkepentingan utama, KWSP berupaya menangani kebimbangan berkaitan ESG, meningkatkan tahap kebertanggungjawaban, serta mempengaruhi perubahan positif. Pada 2024, KWSP telah melaksanakan libat urus dengan lebih 80 pihak berkepentingan luaran, termasuk syarikat tersenarai awam, pengurus dana luaran, penerbit kredit, Kementerian, badan kawal selia serta syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang setara.

Bagi memperluaskan jangkauan pasaran dan penyebaran amalan terbaik ESG, KWSP turut menyertai pelbagai acara dan platform penceramah, termasuk *Pacific Region Investment Conference ke-22* dan Forum Digital PRI: Prinsip kepada Amalan, di samping menyumbang kepada pembangunan wacana kelestarian yang lebih menyeluruh dalam pasaran modal Malaysia.

Di peringkat dalaman, KWSP terus mengukuhkan keupayaan ESG merentasi Bahagian Pelaburannya. Usaha ini dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif Pembangunan kapasiti, termasuk modul pembelajaran dalam talian yang disediakan di Platform EPF Learning Xperience, yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan memupuk amalan terbaik berkaitan Polisi Pelaburan Lestari KWSP.

# ULASAN PERNIAGAAN 2024

KWSP kekal teguh dalam komitmennya terhadap kecemerlangan operasi dan penciptaan nilai yang mampan, dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip ini ke dalam semua aspek entiti perniagaannya. Usaha, strategi dan sumber kami tertumpu kepada sepuluh (10) teras utama berikut, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam membina sebuah institusi yang bersedia untuk masa hadapan serta berdaya tahan bagi memenuhi keperluan ahli dan pihak berkepentingan yang sentiasa berubah.



**Memberi Khidmat kepada Ahli dan Majikan**



**Pendigitalan KWSP**



**Privasi Data dan Keselamatan Siber**



**Pengurusan Modal Insan**



**Kesihatan dan Keselamatan**



**Memastikan Tadbir Urus yang Kukuh**



**Membina Rantaian Bekalan yang Berdaya Tahan**



**Penglibatan Komuniti**



**Ketahanan Menghadapi Bencana Alam**



**Menguruskan Kesan Terhadap Alam Sekitar**

Setiap bidang strategik ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bahagian seterusnya, yang akan menghuraikan kemajuan yang telah dicapai serta prestasi yang diperolehi sepanjang penilaian ini dijalankan.

## Perkhidmatan kepada Ahli dan Majikan

Perkara Material: **M1** **M2** **M4** **M18**



Pasukan outreach EPF memberikan panduan peribadi dalam menggunakan aplikasi i-Akaun KWSP.

## PENDAFTARAN AHLI DAN MAJIKAN, CARUMAN DAN TRANSAKSI

Pada 2024, KWSP terus mencatatkan peningkatan yang kukuh dalam keahlian dan caruman, didorong oleh pemulihan berterusan pasaran buruh serta momentum ekonomi yang positif. Sehingga Disember 2024, seramai 475,752 ahli baharu telah didaftarkan, menjadikan jumlah keseluruhan keahlian KWSP sebanyak 16.22 juta. Daripada jumlah ini, seramai 402,024 ahli baharu telah memilih Simpanan Shariah, menjadikan jumlah penyertaan keseluruhan sebanyak 2.19 juta.

Daripada keseluruhan keahlian, seramai 8.78 juta merupakan ahli aktif, mewakili 51% daripada 17.32 juta tenaga kerja Malaysia. Nisbah ahli aktif kepada tidak aktif pada akhir tahun adalah 54:46. Peningkatan penyertaan aktif yang menggalakkan ini didorong oleh usaha berterusan KWSP untuk memperkukuh jangkauan dan meluaskan liputan. Inisiatif-inisiatif ini dihuraikan dengan lebih mendalam dalam bahagian seterusnya.



**8.78 juta**

ahli aktif



**475,752**

ahli baharu yang berdaftar

## ULASAN PERNIAGAAN

Jumlah caruman keseluruhan di KWSP telah mencecah sebanyak RM108.22 bilion pada 2024, menunjukkan kenaikan sebanyak 11% berbanding 2023. Lonjakan ini mencerminkan keadaan ekonomi negara yang bertambah baik, peningkatan terhadap tahap pekerjaan, serta keyakinan baharu dalam kalangan ahli. Peningkatan ini juga menegaskan lagi peranan KWSP dalam menyokong persediaan persaraan dan daya tahan kewangan.

Peningkatan ketara dalam caruman juga datang daripada sektor tidak formal. Sepanjang tahun 2024, seramai 558,269 individu telah mendaftar dengan i-Saraan, dan bilangan ini menunjukkan nilai peningkatan sebanyak 51% berbanding 2023. Secara keseluruhan, caruman i-Saraan meningkat sebanyak RM1.20 bilion, iaitu kenaikan 83% dari tahun ke tahun, menandakan tahap kesedaran yang lebih tinggi dan perancangan kewangan proaktif dalam kalangan pekerja sektor tidak formal. Jumlah caruman i-Saraan bagi 2024 adalah sebanyak RM2.64 bilion.

Pada 2024, sebanyak 18.96 juta transaksi ahli telah dilakukan melalui portal web i-Akaun (Ahli) dan aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun, merangkumi pendaftaran, caruman dan pengeluaran. Peningkatan jumlah transaksi ini didorong oleh kenaikan pengeluaran yang mendadak sebanyak 874% berbanding tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh aktiviti penstrukturan semula akaun serta pelancaran pengeluaran Akaun Fleksibel, yang menyumbang 89% daripada permohonan pengeluaran melalui i-Akaun. Selain itu, pengaktifan i-Akaun juga telah meningkat sebanyak 196%, didorong oleh pelaksanaan proses e-KYC yang dipermudahkan untuk tujuan pendaftaran keahlian dan pengaktifan akaun.

Penyertaan majikan juga menunjukkan peningkatan yang sederhana tetapi signifikan. Menjelang akhir tahun 2024, sebanyak 71,471 pendaftaran majikan baharu melalui i-Akaun telah direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan majikan aktif sebanyak 614,563. Peningkatan tahun ke tahun sebanyak 1.4%. Usaha penglibatan kami dalam memastikan caruman dibuat dengan tepat dan menepati masa telah menyumbang kepada peningkatan ini, disokong oleh penambahbaikan digital yang mempermudah perkhidmatan kepada majikan, sekali gus memperkukuh tahap pematuhan dan kecekapan operasi. Sebanyak 15.89 juta transaksi majikan direkodkan melalui portal web i-Akaun (Majikan) dan aplikasi mudah alih e-Caruman sepanjang 2024.



Dengan usaha berterusan, pasukan KWSP membawa perkhidmatan lebih dekat kepada komuniti setempat, memperkukuh akses dan sokongan bagi kecukupan jangka panjang ahli.

### MEMPERTINGKAT KECUKUPAN, MEMPERLUAS LIPUTAN DAN MENAMBAH BAIK KUALITI PENGALAMAN

Selaras dengan strategi teras KWSP iaitu ACE, yang menekankan aspek Kecukupan, Liputan dan Pengalaman, Bahagian Operasi terus komited memperkasakan ahli dengan hasil persaraan yang selamat, meningkatkan penyertaan merentasi semua segmen pekerjaan, serta memperkukuh penglibatan melalui pelbagai saluran fizikal dan digital.

Salah satu fokus utama pada 2024 adalah untuk meningkatkan kecukupan kewangan jangka panjang ahli. Bagi tujuan ini, kami telah menggandakan usaha bagi menggalakkan pengumpulan simpanan dan persediaan kewangan melalui inisiatif yang telah disasarkan serta pemerksaan teknologi digital. Sehingga Disember 2024, sebanyak 23% (3.06 juta) ahli KWSP telah mencapai ambang Simpanan Asas sebanyak RM240,000 pada usia 55 tahun, menunjukkan peningkatan daripada 20% (2.70 juta) berbanding tahun sebelumnya.

Bagi menyokong simpanan secara sukarela, KWSP terus mempromosikan Caruman Sukarela (VC) dan Caruman Melebihi Kadar Berkanun (VE), menggalakkan ahli untuk mencarum melebihi kadar wajib demi memastikan masa depan persaraan yang lebih terjamin. Pada 2024, caruman VC telah meningkat sebanyak 63% kepada RM13.7 bilion. Sementara itu, 75,169 pekerja mendaftar dan mencarum melalui VE, berbanding 59,000 pada 2023.

	2023	2024	% Peningkatan
Caruman Sukarela oleh ahli	RM8.4 bilion	<b>RM13.7 bilion</b>	63%
Bilangan pekerja yang berdaftar dan membuat Caruman Melebihi Kadar Berkanun	59,000	<b>75,169</b>	27%

# ULASAN PERNIAGAAN 2024

Bagi memperluas liputan, terutamanya dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perhatian dan sektor tidak formal, KWSP telah melaksanakan pelbagai saluran pendaftaran dan inisiatif. Usaha-usaha ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan jumlah ahli aktif. Saluran pendaftaran utama dan hasil pencapaian setakat Disember 2024 adalah seperti berikut:



Bagi terus mempertingkatkan kecukupan dan memperluas liputan, KWSP telah mempergiatkan inisiatif literasi kewangan secara signifikan pada 2024. Usaha ini bertujuan membekalkan ahli dengan pengetahuan dan kemudahan yang diperlukan bagi menjamin kesejahteraan persaraan jangka panjang, sambil mempromosikan produk dan perkhidmatan KWSP secara berterusan.

Inisiatif	Penerangan
Meningkatkan Khidmat Nasihat Pelanggan (RA)	Lebih daripada 5,020 sesi peribadi telah dilaksanakan, menawarkan nasihat perancangan persaraan yang disesuaikan mengikut keperluan setiap ahli.
Program Outreach	Sebanyak 13,184 program telah dijalankan di seluruh negara melalui kerjasama strategik dan titik capaian fizikal.
Program Kesedaran untuk Pelajar Tahun Akhir	Sebanyak 41 program telah dianjurkan di seluruh negara dengan tumpuan kepada pelajar tahun akhir, melibatkan lebih daripada 4,049 peserta, bagi meningkatkan kesedaran tentang perancangan persaraan dan perkhidmatan KWSP.
Program Pemasaran Berasaskan Komuniti	Sebanyak 17 program telah dianjurkan dengan kerjasama pihak berkepentingan, melibatkan penyertaan seramai 19,000 individu daripada sektor tidak formal dan komuniti yang kurang mendapat perhatian.

Bagi terus memperluas capaian dan meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan, KWSP terus memanfaatkan Mobile Team yang ditubuhkan pada 2019 serta Mobile KWSP yang mula beroperasi pada 2023. Kedua-dua inisiatif ini direka untuk menyediakan perkhidmatan KWSP kepada individu di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mungkin tidak mempunyai akses kepada cawangan fizikal atau platform digital. Kedua-dua program memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran terhadap produk KWSP, menggalakkan pendaftaran ahli, serta menyampaikan khidmat nasihat dan Perkhidmatan asas secara langsung.

Pada 2024, KWSP telah melaksanakan usaha *outreach* melalui **75** Mobile Team dan **10** unit Mobile KWSP ke seluruh negara. Sepanjang tahun, Mobile Team ini telah menjalankan sebanyak **13,184** program *outreach*, manakala Mobile KWSP telah melengkapkan sebanyak **1,816** lawatan ke komuniti yang kurang mendapat perhatian di seluruh Malaysia.

Melangkah ke hadapan, KWSP kekal komited untuk terus meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan fizikal dan digital, memperluas capaian kepada pekerja sektor tidak formal, serta memperkukuh penggunaan alat khidmat nasihat kewangan agar KWSP kekal sebagai tunjang utama dalam perjalanan persaraan bagi setiap individu di Malaysia.

## Mempertingkatkan Produk dan Servis

Program	Tujuan	Hasil bagi tahun 2024
i-Lindung	Menyediakan perlindungan insurans dan takaful mampu milik	115,293 ahli telah berdaftar
i-Sayang	Membolehkan pemindahan caruman KWSP daripada akaun suami ke dalam akaun isteri	102,243 suami telah berdaftar
i-Suri	Menawarkan caruman padanan kerajaan untuk suri rumah dan wanita dalam sektor tidak formal	287,746 pendaftaran baharu
i-Saraan	Menyokong golongan bekerja sendiri dan pekerja gig melalui insentif simpanan sukarela	558,269 pendaftaran baharu (peningkatan 51% dari tahun sebelumnya)
Akaun Fleksibel	Membenarkan pengeluaran sebahagian untuk keperluan jangka pendek, sambil memastikan simpanan persaraan kekal mencukupi	4.12 juta ahli telah mendaftar; RM12.17 bilion telah dikeluarkan di antara Mei hingga Disember 2024

## ULASAN PERNIAGAAN

Pada 2024, KWSP terus menambah baik dan memperluaskan rangkaian produk kewangan inklusifnya, iaitu i-Lindung, i-Sayang, i-Suri dan i-Saraan, dengan matlamat utama untuk mempertingkatkan perlindungan kewangan serta meluaskan liputan keselamatan sosial kepada segmen masyarakat yang kurang mendapat perhatian.

Inisiatif-inisiatif ini menegaskan komitmen kami dalam mempromosikan keterangkuman kewangan serta menyokong persediaan persaraan bagi pekerja sektor tidak formal, wanita dan komuniti yang kurang mendapat perhatian.

Platform i-Lindung terus memudahkan akses kepada perlindungan insurans dan takaful yang mampu milik, membolehkan setiap ahli untuk melindungi diri dan keluarga mereka daripada bebanan kewangan yang tidak dijangka. Sehingga akhir tahun, seramai 115,293 ahli telah mendaftar di bawah i-Lindung, mencerminkan tahap kesedaran dan minat masyarakat yang semakin meningkat terhadap kepentingan perlindungan kewangan peribadi.

Program i-Sayang pula menyokong pemerkasaan kewangan wanita dengan memudahkan pemindahan caruman KWSP daripada suami kepada isteri. Inisiatif ini menggalakkan perancangan persaraan bersama dalam keluarga, khususnya bagi suri rumah. Sehingga Disember 2024, sebanyak 102,243 ahli telah mendaftar di bawah i-Sayang, menandakan peningkatan kesedaran mengenai keterangkuman kewangan bagi sesebuah keluarga.

i-Suri kekal memainkan peranan penting dalam menyokong suri rumah dan para wanita dalam sektor tidak formal melalui caruman padanan oleh kerajaan. Pada tahun 2024, seramai 287,746 pendaftaran baharu direkodkan, menunjukkan keberkesanan usaha jangkauan yang memberikan tumpuan kepada peningkatan literasi kewangan dan akses di kalangan wanita.

Sementara itu, i-Saraan pula menggalakkan individu bekerja sendiri dan pekerja ekonomi gig untuk menyimpan bagi tujuan persaraan dengan menawarkan insentif kerajaan serta dividen ke atas caruman sukarela. Program ini mencatatkan sebanyak 558,269 ahli baharu, iaitu peningkatan sebanyak 51% berbanding tahun sebelumnya, sekali gus mengukuhkan misi KWSP untuk meluaskan perlindungan sosial melepasi sempadan sektor pekerjaan formal.

Bagi melengkapkan pelbagai inisiatif sedia ada, KWSP juga memperkenalkan Akaun Fleksibel pada 2024, satu penambahbaikan inovatif yang direka bagi memberikan ahli kawalan yang lebih besar terhadap simpanan mereka sambil memastikan keselamatan kewangan jangka panjang mereka terus terpelihara. Caruman kini diagihkan kepada tiga akaun berasingan iaitu Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera, dan Akaun Fleksibel. Struktur ini meningkatkan kebolehcapaian dan membolehkan ahli menangani keperluan kewangan jangka pendek melalui pengeluaran sebahagian daripada Akaun Fleksibel tanpa menjejaskan matlamat persaraan jangka panjang mereka.

Bagi memudahkan pengalaman ahli, proses pengeluaran juga telah diperkemas dan sepenuhnya diintegrasikan ke dalam platform i-Akaun Ahli, menyediakan akses digital yang selamat dan lancar. Sejak pelancaran, lebih daripada 4.12 juta ahli telah mendaftar dalam Akaun Fleksibel, dengan jumlah pengeluaran sebanyak RM12.17 bilion dicatatkan dari Mei hingga Disember 2024, menandakan kepentingan dan kegunaan segera akaun ini.

Produk/Servis	Bulan	Tujuan Sokongan
Kempen Jom Tambah 2024 dilaksanakan untuk menggalakkan Caruman Sukarela (VC, VE, i-Saraan, i-Suri)	Januari	Liputan dan Kecukupan
Laman Web Baharu KWSP	Februari	Pengalaman
i-Akaun (Majikan): Penambahbaikan terhadap e-CTML	Februari	Pengalaman
Sumbangan Insentif Caruman Tambahan Kerajaan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada 1.4 juta penerima	Januari	Kecukupan
Sumbangan Insentif Padanan Kerajaan kepada i-Saraan sebanyak 15% bagi jumlah caruman dibuat tahun semasa (sehingga maksimum RM500) dan i-Suri sebanyak 50% bagi setiap RM1 (sehingga maksimum RM300).	Januari	Kecukupan
Penstrukturan semula Portfolio Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional	Januari	Pengalaman
Penambahbaikan terhadap akaun i-Invest bagi membolehkan pelaburan portfolio berganda	Februari	Pengalaman
i-Lindung: Pembelian insurans menggunakan Akaun Sejahtera	Februari	Pengalaman
Fungsi baharu i-Akaun (portal & aplikasi ahli): Kemudahan pengeluaran umur 50, 55, 60 tahun dan tujuan kesihatan	Februari	Pengalaman
Penstrukturan Semula Akaun KWSP	Mei	Kecukupan

## KEMUDAHAN PENGELUARAN

Pada 2024, trend pengeluaran KWSP mencerminkan perubahan ketara dalam tingkah laku ahli, dipengaruhi oleh keadaan ekonomi semasa, perubahan dasar dan dinamik demografi yang semakin berkembang. Jumlah keseluruhan pengeluaran dan bayaran semula meningkat dengan ketara sebanyak 35%, daripada RM50.57 bilion pada 2023 kepada RM68.28 bilion pada 2024.

Perkembangan utama yang mendorong peningkatan ini ialah pengenalan Akaun Fleksibel. Dilancarkan pada 2024, struktur akaun baharu ini membolehkan pengeluaran sebahagian bagi keperluan kewangan jangka pendek, memberikan ahli lebih fleksibiliti dan akses terhadap simpanan mereka.

Pengeluaran berasaskan umur juga telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, sejajar dengan trend demografi. Pengeluaran pada usia 55 tahun dan 60 tahun meningkat dengan ketara, menandakan bahawa lebih ramai ahli yang telah mencapai usia persaraan mula mengakses simpanan terkumpul mereka. Perkara ini memberi penekanan terhadap keperluan bagi perancangan persaraan jangka panjang yang mampan untuk menyokong kesejahteraan kewangan pada usia tua.

Jadual di bawah memperlihatkan perbandingan bilangan transaksi dan jumlah yang diluluskan bagi tahun 2023 dan 2024 merangkumi kategori pengeluaran utama seperti Perumahan, Kesihatan, Kematian, Penghijrahan ke Luar Negara, Hilang Keupayaan, dan Pendidikan. Secara keseluruhan, trend pengeluaran pada 2024 mencerminkan trend berterusan ahli untuk menggunakan simpanan mereka bagi tujuan kewangan yang segera dan penting, terutamanya dalam pembiayaan rumah, pendidikan, dan pengeluaran berkaitan kematian.

Seiring dengan perubahan tingkah laku ini, semakin penting untuk menilai ketahanan jangka panjang corak tersebut serta memperkukuh kesedaran tentang kepentingan mengekalkan simpanan yang mencukupi untuk persaraan. Pada masa hadapan, KWSP akan terus memantau keadaan ekonomi, perubahan kawal selia dan perubahan dasar bagi memastikan dana yang disediakan kekal berdaya tahan serta responsif terhadap keperluan kewangan ahli yang semakin berubah.

Tahun Tinjauan	2023		2024	
	Bilangan Transaksi	Amaun Diluluskan (RM)	Bilangan Transaksi	Amaun Diluluskan (RM)
Perumahan	413,848	4.54 bilion	<b>397,696</b>	<b>3.89 bilion</b>
Kesihatan	8,626	93.32 juta	<b>8,327</b>	<b>83.31 juta</b>
Kematian	84,673	3.00 bilion	<b>87,776</b>	<b>3.20 bilion</b>
Penghijrahan ke Luar Negara	4,521	583.81 juta	<b>5,708</b>	<b>672.34 juta</b>
Hilang Keupayaan	4,454	423.61 juta	<b>4,523</b>	<b>419.94 juta</b>
Pendidikan	330,442	809.96 juta	<b>388,246</b>	<b>843.99 juta</b>

## KOMUNIKASI PRODUK DAN PERKHIDMATAN

KWSP mengamalkan pendekatan strategik dan tersusun dalam menyampaikan maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan bagi memastikan setiap mesej dapat disampaikan secara berkesan kepada ahli baharu dan sedia ada. Strategi komunikasi kami berteraskan prinsip-prinsip berikut:

- Penyampaian Mesej yang Jelas dan Konsisten:** Kami memastikan setiap mesej yang disampaikan mudah difahami dan konsisten pada semua platform bagi membantu setiap ahli memahami tawaran serta nilai yang diberikan dengan mudah.
- Pemperibadian dan Penyampaian Sasaran:** Pendekatan berorientasikan pelanggan digunakan dengan memahami audiens sasaran serta menyesuaikan komunikasi mengikut keperluan, pilihan dan demografi mereka. Data dan maklumat pelanggan digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan kandungan yang relevan dan fokus kepada kesesuaian serta keperluan ahli.
- Keterlibatan Pelbagai Saluran:** KWSP berhubung dengan ahli melalui pelbagai saluran termasuk laman web, media sosial, media tradisional (TV, radio, cetakan), serta program *outreach* secara bersemuka.
- Pematuhan Peraturan:** Komunikasi KWSP mematuhi piawaian dalaman dan peraturan industri, termasuk undang-undang privasi data, garis panduan pengiklanan, dan amalan pemasaran beretika.

Bagi menyokong penambahbaikan amalan pemasaran dan komunikasi, Jawatankuasa Pasukan Petugas Pemasaran (*Marketing Taskforce Committee*) telah ditubuhkan pada 2024, dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Operasi. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil jabatan utama termasuk Jabatan Pengurusan Produk & Pemasaran, Jabatan Hal Ehwal Korporat, Jabatan Saluran Fizikal, Jabatan Saluran Digital, Jabatan Pemuatan Operasi, Jabatan Pengurusan Transaksi, dan Jabatan Pengurusan Caruman.

## ULASAN PERNIAGAAN

Melalui semakan prestasi pemasaran bersepadu yang dijalankan dua kali setahun, jawatankuasa ini mengawasi strategi pemasaran dan aktiviti promosi serta memantau kadar penglibatan dan penerimaan produk yang disediakan.

Melalui jawatankuasa ini, kami telah memperkukuh penyelarasan pendekatan pemasaran kami, memastikan semua titik sentuhan komunikasi berfungsi secara kohesif untuk menyampaikan mesej yang konsisten dan jelas kepada sasaran audiens merentasi pelbagai platform.

Bagi menyokong perancangan dan penyelarasan, kalendar pemasaran berpusat telah diwujudkan sebagai rujukan bagi semua pihak berkepentingan. Kalendar ini membolehkan penjadualan dan pemantauan yang berkesan bagi kempen pemasaran, acara, program *outreach*, pelancaran produk, serta inisiatif pembangunan kandungan. Kalendar ini juga disediakan dan dikongsi kepada semua warga kerja KWSP pada minggu pertama setiap bulan bagi menggalakkan koordinasi dalaman dan keterlihatan aktiviti.

Selain itu, Garis Panduan Penulisan Iklan (*Copywriting Guidelines*) telah diperkenalkan bagi mengekalkan konsistensi, kejelasan dan keselarasan jenama dalam semua platform komunikasi. Garis panduan ini merangkumi nada, gaya penulisan, tatabahasa dan suara jenama bagi memastikan semua kandungan yang diterbitkan mematuhi standard profesional dan berkualiti tinggi di semua saluran komunikasi.

### PENGURUSAN MAJIKAN

Sebagai sebahagian daripada mandat kami, KWSP menguatkuasakan Akta KWSP 1991 bagi memastikan setiap majikan memenuhi kewajipan statutori mereka terhadap pekerja. Ini termasuk kewajipan untuk mendaftarkan semua pekerja dengan KWSP bagi setiap syarikat baharu yang berdaftar.

Bagi memastikan akta ini dipatuhi, pemeriksaan rawak akan dijalankan di pejabat korporat untuk mengesahkan pematuhan kepada Akta - satu langkah penting bagi menjaga kesejahteraan kewangan ahli.

Penguatkuasaan Akta ini, bersama pelaksanaan larangan perjalanan ke luar negara terhadap majikan yang ingkar, memainkan peranan yang kritikal dalam usaha pemulihan caruman tertunggak dan memastikan akauntabiliti dalam kalangan majikan.

#### Statistik Majikan

Kategori	2023	2024	Perbezaan
Jumlah bilangan majikan berdaftar yang aktif	606,187	<b>614,563</b>	+8,376
Bilangan majikan yang gagal mencarum	14,861	<b>12,505</b>	-2,356
Amaun dikumpulkan daripada majikan yang ingkar	RM3.40 bilion	<b>RM3.46 bilion</b>	+RM0.06 bilion
Bilangan pengarah/pemilik syarikat yang telah dihalang daripada ke luar negara akibat pengingkar	1,389	<b>1,953</b>	+564
Amaun yang diterima hasil daripada larangan dilaksanakan	RM26.07 juta	<b>RM32.48 juta</b>	+RM6.41 juta
Tindakan Saman Jenayah terhadap Majikan yang Ingkar	3,367	<b>2,983</b>	-384
Tindakan Saman Sivil terhadap Majikan yang Ingkar	2,456	<b>10,040</b>	+7,584

### KEPUASAN PELANGGAN

Bagi menilai keberkesanan penyampaian perkhidmatan pelanggan, KWSP telah menjalankan tinjauan kepuasan sepanjang tahun melibatkan ahli dan majikan. Hasil tinjauan yang telah diperolehi bagi 2024 amat memberangsangkan, dengan KWSP mencapai skor kepuasan pelanggan sebanyak 93%.

Menyedari kepentingan komunikasi yang terbuka dan mudah diakses, KWSP menawarkan pelbagai saluran penglibatan untuk memudahkan interaksi bersama ahli dan majikan. Antara saluran yang digunakan merangkumi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP, yang terdiri daripada chatbot ELYA, perkhidmatan telefon, sokongan e-mel, dan platform media sosial. Kaunter fizikal KWSP dan program *outreach* turut memperluas liputan perkhidmatan kami.

Kami juga memberi keutamaan yang tinggi terhadap penyelesaian aduan secara berkesan. Ahli yang ingin membuat aduan boleh menghubungi KWSP melalui beberapa saluran, termasuk pertanyaan e-mel, pusat panggilan di 03-89226000, atau talian aduan dalaman (*whistleblowing hotline*) di 03-61226122.

Semua maklum balas sama ada dalam bentuk komen, aduan, cadangan, atau pujian dikumpul dan direkodkan secara sistematik dalam Laporan Suara Pelanggan (*Voice of Customer Report*) secara mingguan, yang dikongsikan dengan pihak berkepentingan dalaman. Selain itu, Laporan Pengalaman Pelanggan Separuh Tahunan juga turut dibentangkan dalam Mesyuarat Maklum Balas Pelanggan, yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Operasi. Laporan ini menghimpunkan penemuan utama termasuk maklum balas pelanggan, pandangan pelanggan, serta cadangan penambahbaikan perkhidmatan.

## PENDIGITALAN KWSP

Perkara Material: **M17** **M18**

Perjalanan transformasi digital KWSP terus didorong oleh aspirasi untuk menjadi sebuah organisasi yang berdaya digital dan berpandukan wawasan. Pada 2024, kami telah mengemaskini pelan hala tuju Digitise EPF 2025 bagi mencerminkan hala tuju yang lebih kukuh dan strategik selaras dengan mandat yang diperluaskan serta memenuhi dan mengatasi jangkaan pihak berkepentingan.

Pelan hala tuju yang dipertingkatkan ini membolehkan kami menambah baik kecekapan operasi, memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, memupuk inovasi, serta meningkatkan ketangkasan dan daya saing dalaman. Pada asasnya, pelan ini mengukuhkan komitmen kami untuk memodenkan KWSP sebagai sebuah institusi yang berteraskan teknologi, mampu menyesuaikan diri dengan keperluan yang sentiasa berubah dengan pantas dan tepat.

Pelan hala tuju yang disemak semula ini berasaskan enam (6) teras strategik, yang masing-masing disokong oleh pendekatan dan inisiatif khusus, seperti yang diterangkan dalam seksyen berikut.

### TERAS 1

#### PENYAMPAIAN YANG MAMPAN DAN BERKESAN

Teras ini memberi tumpuan kepada pembentukan rangka kerja transformasi yang dinamik dan berdaya tahan, bagi membolehkan KWSP bertindak balas terhadap perubahan keperluan pelanggan dengan pantas. Melalui penerapan amalan *agile-at-scale* serta penyepaduan keupayaan transformasi di seluruh organisasi, kami terus memacu sinergi di seluruh KWSP dan mempercepatkan penyampaian produk serta memastikan mutu perkhidmatan terus dipertingkatkan.

Kami telah memajukan infrastruktur digital melalui pelancaran dan penaiktarafan beberapa sistem dalaman.

Sorotan utama bagi tahun 2024 merangkumi:

- Pelaksanaan terminal kad debit di seluruh negara bagi menyokong bayaran caruman semasa program *outreach*
- Pelancaran Member Interactive Portal untuk pengeluaran Perumahan dan Pendidikan
- Pemisahan di antara Akaun Syariah dan Akaun Konvensional untuk Fasa Pelaburan 1 (Skim Syariah dan Skim Konvensional)
- Pengenalan i-Invest 2.0 dan i-Lindung 2.0
- Pelancaran Employee Interactive Portal
- Pelaksanaan Akaun Fleksibel, termasuk pembangunan sistem digital baharu

### TERAS 2

#### ORGANISASI YANG DIPACU SECARA DIGITAL

Bagi membina sebuah organisasi yang dipacu secara digital, KWSP sedang membangunkan keupayaan inovasi dan analitik data merentasi seluruh organisasi secara strategik. Melalui pendekatan mengadaptasi konsep "*Cultivating from Idea to Innovation at Scale*", kami terus memperkukuh ekosistem inovasi di peringkat dalaman menerusi pelaksanaan Kerangka Inovasi KWSP, bengkel *Design Thinking*, *Digital Factory*, serta inisiatif berkaitan perkara-perkara yang lain.

Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk menjadikan inovasi sebagai kecekapan teras organisasi, dengan menggalakkan kakitangan di pelbagai jabatan untuk bereksperimen, membuat iterasi, dan melaksanakan proses penyelesaian yang berdaya maju selaras dengan objektif strategik KWSP.

Bagi terus memupuk budaya inovasi, KWSP turut menganjurkan *hackathon* dalaman, yang bertujuan untuk mencabar kakitangan untuk menangani isu-isu kompleks merentasi organisasi. Acara ini memupuk kerjasama antara fungsi dan telah membawa kepada penambahbaikan transformasi dalam produktiviti dan operasi, sekali gus mengukuhkan kedudukan KWSP sebagai sebuah institusi yang bersedia untuk masa depan dan berorientasikan inovasi.

## ULASAN PERNIAGAAN

## TERAS 3

## KEUNGGULAN OPERASI DAN PERKHIDMATAN

Kami terus memupuk budaya berteraskan pelanggan dengan menyampaikan perkhidmatan digital berkualiti tinggi yang disokong oleh penambahbaikan secara berterusan. Teras utama usaha yang dijalankan ini ialah melalui pelaksanaan Tinjauan Pengalaman Digital Tahunan, yang telah dipertingkatkan dengan metrik tambahan sejajar dengan inisiatif digital terkini yang dilaksanakan pada peringkat dalaman. Dapatan daripada tinjauan ini telah digunakan untuk mendorong penambahbaikan berasaskan data di seluruh organisasi.

Bagi merapatkan jurang antara teknologi maklumat (IT) dan pengguna akhir, kami juga sedang menambah baik Program Penglibatan Digital melalui sesi dialog khusus yang dilaksanakan bertujuan untuk menangani maklum balas secara proaktif diperoleh daripada hasil tinjauan tersebut. Pada masa yang sama, program Latihan Duta Digital melatih staf terpilih untuk menjadi sokongan barisan hadapan, memastikan bimbingan proaktif dan komunikasi yang berkesan demi mewujudkan pengalaman digital yang lancar bagi semua kakitangan.

Tadbir urus dan pematuhan kekal menjadi keutamaan. Pada 2024, kami berjaya menamatkan First Surveillance Audit SIRIM bagi ISO/IEC 20000-1:2018 tanpa sebarang penemuan ketidakpatuhan ke atas organisasi. Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk mengekalkan amalan terbaik dalam pengurusan perkhidmatan IT dan kecemerlangan operasi.

## TERAS 4

## PLATFORM TEKNOLOGI YANG TEGUH

Teras ini memberi tumpuan kepada pembinaan infrastruktur IT yang moden dan berdaya tahan, yang mampu memberikan operasi tanpa gangguan (*zero downtime*), keselamatan yang dipertingkat, serta pemulihan sedia terbina (*built-in redundancy*).

Antara pencapaian utama KWSP pada 2024 termasuklah pelaksanaan *Software-Defined Wide Area Network* (SD-WAN) di 69 cawangan KWSP di seluruh negara. Pelaksanaan ini berjaya menghapuskan titik kegagalan tunggal, meningkatkan kapasiti jalur lebar, serta berjaya mempertingkatkan kadar sambungan rangkaian. Infrastruktur yang dipertingkat ini juga membolehkan setiap cawangan KWSP dapat menggunakan penyelesaian penyimpanan data melalui *cloud-based solutions* dengan akses internet berkelajuan tinggi yang stabil.

Bagi menyokong kecekapan operasi, persekitaran kerja digital yang moden juga turut diperkenalkan, menampilkan aplikasi yang dipertingkatkan untuk mempermudah aliran kerja dan meningkatkan produktiviti organisasi secara keseluruhan. Pada masa yang sama, kami turut memperkukuhkan pengurusan identiti dan akses serta memperbaiki kecekapan proses pengesahan identiti pengguna di seluruh KWSP.

Bersempena dengan kejayaan migrasi pusat data pada 2023, kami kini sedang membina semula infrastruktur teknologi untuk meningkatkan kebolehpercayaan, kebolehsuaian skala (*scalability*) dan ketangkasan. Ini termasuk peralihan berterusan kepada rangka kerja berasaskan *active-active, component-based Disaster Recovery* (DR), yang direka khas untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan daya tahan dalaman persekitaran digital yang semakin kompleks.

**TERAS 5****KESELAMATAN SIBER YANG TEGUH**

KWSP komited sepenuhnya untuk membentuk keselamatan siber yang kukuh melalui pelaksanaan rangka kerja *Zero Trust*, yang penting dalam mencegah pencerobohan serta memastikan kesinambungan operasi secara berterusan. Komitmen ini disokong secara aktif melalui Program Keselamatan Digital (2022-2026) yang dijalankan selama lima tahun bagi memacu penambahbaikan secara ketara dalam aspek tadbir urus, pematuhan, dan tahap kematangan keselamatan siber secara keseluruhan.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, kami telah melaksanakan program literasi keselamatan siber yang komprehensif, merangkumi latihan bersasar, kempen simulasi kejuruteraan sosial (*social engineering*), serta penglibatan kakitangan melalui pelaksanaan kuiz sempena Bulan Keselamatan Siber dan kempen kesedaran. Inisiatif ini telah meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber dalam kalangan kakitangan dengan ketara.

**TERAS 6****BAKAT MASA HADAPAN DAN BUDAYA INOVASI**

Pembangunan kecekapan digital dan pemupukan budaya inovasi kekal sebagai sebuah elemen utama dalam perjalanan transformasi digital KWSP. Pada 2024, KWSP terus memperkukuhkan keupayaan digital melalui pelaksanaan Program i-FIT yang melengkapkan kakitangan teknologi digital dengan kemahiran penting bagi membentuk tenaga kerja yang celik digital.

Inisiatif utama di bawah program ini termasuk:

- **Siri Bicara i-FIT:** Sesi interaktif bersama pakar dalaman dan luaran yang berkongsi pandangan mengenai trend digital dan amalan terbaik yang perlu dilaksanakan
- **Program Level-Up:** Laluan pembelajaran berstruktur bagi memperdalam kepakaran teknikal dan fungsional
- **Komunikasi Pembelajaran Dinamik:** Modul pembelajaran berskala kecil dan kuiz yang disampaikan melalui pelbagai platform untuk mengukuhkan literasi digital

Dengan mengintegrasikan prinsip *Agile* dalam penyampaian digital KWSP, kami memupuk pemikiran pembangunan berulang (*iterative*), kebolehsuaian dan kerjasama merentas fungsi dalam pelaksanaan projek. Rangka kerja *Agile* ini membimbing pendekatan kami, membolehkan tindak balas pantas terhadap perubahan, penyerahan nilai yang lebih cepat dan penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan serta penskalaan penyelesaian.

Bagi memupuk budaya inovasi, kami turut mempromosikan kesedaran terhadap teknologi dan trend baharu melalui sesi libat urus serantau, *Communities of Practice (CoP)*, dan sesi *Brown Bag*. Selain itu, kami turut menganjurkan *hackathon* dalaman yang mendorong penambahbaikan transformasi dalam produktiviti dan operasi, serta mencabar kakitangan untuk menyelesaikan isu kompleks di peringkat organisasi.

## ULASAN PERNIAGAAN

### TADBIR URUS DATA & KESELAMATAN SIBER

Perkara Material: **M17** **M18**

#### Memastikan Pengurusan Data yang Bertanggungjawab

KWSP komited untuk mengekalkan standard tertinggi dalam tadbir urus data. Polisi Tadbir Urus Data kami menyediakan rangka kerja menyeluruh bagi pengurusan data sepanjang kitaran hayatnya bermula dari penciptaan sehingga pelupusan bagi memastikan integriti, kerahsiaan dan pematuhan di seluruh peringkat organisasi.

Polisi ini disokong oleh beberapa garis panduan dan rangka kerja utama yang memperkukuh amalan pengendalian data secara bertanggungjawab dan mitigasi risiko:

Garis Panduan Pengelasan (*The Information Classification*), Pelabelan dan Pengendalian Maklumat diperkenalkan bagi memastikan maklumat diklasifikasikan dan dikendalikan berdasarkan tahap kepekaan masing-masing, dengan penetapan protokol akses serta tatacara pengendalian yang jelas.

Rangka Kerja *Data Loss Prevention (DLP)* mengukuhkan akauntabiliti dalam struktur tadbir urus data dan melindungi maklumat yang sensitif daripada akses tidak sah atau kebocoran.

Polisi Pengendalian Pendedahan Maklumat kepada Pihak Ketiga menetapkan kriteria dan prosedur yang jelas dalam menguruskan permintaan pihak ketiga terhadap maklumat ahli atau majikan, bagi memastikan semua pendedahan yang dibuat selaras dengan keperluan peraturan dan undang-undang.

Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian KWSP 2022 juga mengawal amalan penyimpanan dan pelupusan rekod selaras dengan Akta Arkib Negara, sekali gus meningkatkan kecekapan penyimpanan dan pengurusan maklumat secara keseluruhan.

#### Memelihara Pendekatan Keselamatan Siber yang Teguh

KWSP terus mempertingkatkan Model Keselamatan *Zero Trust* bagi melindungi aset digital dan mengekalkan daya tahan operasi. Kami turut melanggan perkhidmatan risikan ancaman global dan melaksanakan analisis ancaman berterusan untuk kekal peka terhadap risiko yang muncul serta perkembangan dalam industri. Program kesedaran keselamatan siber merentasi organisasi dan kempen simulasi kejuruteraan sosial turut dijalankan secara berkala untuk memperkukuhkan kefahaman dan budaya kewaspadaan kakitangan.

Bagi mengukur dan menguruskan pendedahan kepada risiko keselamatan siber, *Key Risk Indicators (KRIs)* digunakan untuk menilai keberkesanan kawalan serta memastikan pelaksanaannya dapat dilakukan secara konsisten. Di samping itu, tahap kematangan Keselamatan Siber *Zero Trust* dinilai secara berkala melalui penilaian bebas bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan.

#### Inisiatif utama tadbir urus data 2024 termasuk:

Pelaksanaan perlindungan maklumat *Microsoft Information Protection (MIP)* bagi memastikan kakitangan melabel setiap dokumen dan emel mengikut klasifikasi dan tahap sensitiviti yang ditetapkan.

Peningkatan usaha penglibatan dan latihan untuk memperkukuh kesedaran dan pemahaman tentang protokol pelabelan maklumat di seluruh organisasi.

Pelaksanaan penyelesaian Pencegahan Kehilangan Data Microsoft (DLP) untuk melindungi maklumat yang dikongsi melalui Microsoft Teams, SharePoint, OneDrive, dan Outlook.

### PENGURUSAN MODAL INSAN

Perkara Material: **M11** **M12** **M13**

Di KWSP, warga kerja kami merupakan aset paling berharga yang memacu kecemerlangan operasi, mengekalkan prestasi kewangan, dan membentuk pengalaman ahli. Sumbangan mereka amat penting dalam mencapai objektif korporat serta memastikan ketahanan jangka panjang dan kesinambungan relevansi organisasi. Seajar dengan ini, KWSP terus komited untuk menarik bakat terbaik dan memupuk perkembangan mereka bagi menyokong keperluan semasa dan aspirasi masa hadapan KWSP.

#### Kepelbagaian dan Inklusiviti Pekerja

Kami percaya bahawa kepelbagaian mampu menyumbang kepada perspektif yang lebih luas, memperbaiki proses membuat keputusan, dan meningkatkan inovasi. Justeru itu, KWSP sentiasa mengutamakan persekitaran kerja yang inklusif dan adil, di mana proses pengambilan, pembangunan dan kemajuan kerjaya adalah berasaskan merit semata-mata tanpa mengira jantina, etnik, agama, umur atau faktor peribadi yang lain.


Sepanjang tahun, KWSP telah menerima seramai 439 pekerja baharu, di mana 56% terdiri daripada wanita dan 77% adalah pekerja berumur di bawah 30 tahun, mencerminkan usaha kami untuk membina tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa hadapan.

Semua kakitangan KWSP adalah warganegara Malaysia, yang menegaskan komitmen kami terhadap pembangunan bakat tempatan. Dengan mewujudkan tenaga kerja 100% rakyat Malaysia, KWSP turut menyumbang ke arah pemeraksaan bakat negara dan pengukuhan modal insan di Malaysia.

Setiap kakitangan diberikan akses yang adil kepada peluang pembangunan dan kemajuan kerjaya. Penilaian prestasi tahunan dan semakan pembangunan kerjaya dijalankan bagi menilai kemajuan, mengenal pasti individu berpotensi tinggi, dan menyokong laluan kerjaya yang lebih pantas. Bagi memupuk budaya berprestasi tinggi, pemberian bonus tahunan adalah berkait langsung dengan pencapaian penetapan matlamat prestasi (KPI) individu, agar matlamat peribadi seajar dengan hasil organisasi.

ULASAN PERNIAGAAN

2024



**Pembangunan Keupayaan**

Di KWSP, pembangunan keupayaan dianggap sebagai satu pelaburan strategik untuk memastikan kakitangan dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan kecekapan yang relevan bagi memacu prestasi cemerlang serta memberikan nilai yang mampan kepada pihak berkepentingan. Melalui latihan dan program pembangunan yang terancang dan berstruktur, kami bukan sahaja meningkatkan kecekapan individu, malah turut memperkukuh keberkesanan organisasi secara menyeluruh.

Pelan pembelajaran yang disesuaikan dibangunkan untuk setiap kakitangan bagi menangani jurang kompetensi yang dikenal pasti serta menyokong pencapaian penetapan matlamat prestasi pembelajaran (Learning KPI) mereka seperti berikut:

**Program Enterprise:**

Merangkumi nilai kecekapan seperti komunikasi, kepimpinan, pengurusan, pembangunan organisasi, DNA KWSP, inovasi, literasi kewangan, perlindungan sosial, literasi digital dan literasi data.

**Program EPFTuned:**

Terdiri daripada modul pembelajaran digital yang direka khusus mengikut keperluan KWSP.

**Program Functional:**

Melibatkan latihan teknikal dan fungsi yang dijalankan pada peringkat dalaman dan luaran.

**Program On-Demand Learning:**

Merangkumi inisiatif seperti *Retention of Critical Knowledge*, *Knowledge Fair*, dan Minggu Literasi Kewangan, yang bertujuan untuk memupukkan budaya pembelajaran berterusan dan perkongsian ilmu dalam kalangan warga kerja.

## ULASAN PERNIAGAAN

Pada 2024, KWSP telah melabur sejumlah RM10,823,908 dalam program dan inisiatif pembinaan keupayaan, merangkumi RM7,781,411 untuk tujuan latihan dan RM3,042,497 bagi kos perjalanan dan pengangkutan (T&T). Secara keseluruhan, sebanyak 351,818 jam latihan telah direkodkan di seluruh organisasi, dengan 99.48% kakitangan telah berjaya melengkapkan pelan pembelajaran masing-masing.

### Purata Jam Latihan Mengikut Kategori Pekerja (2024)

Kategori Pekerja	Purata Jam Latihan*	Purata Hari Latihan*
Pekerja Bukan Eksekutif	60 Jam	9.9 Hari
Pekerja Eksekutif	80 Jam	13.3 Hari
Pekerja Pengurusan Pertengahan	82 Jam	13.7 Hari
Pekerja Pengurusan Kanan	60 Jam	10 Hari

\* bagi setiap pekerja

### Kesejahteraan Pekerja

KWSP memberikan penekanan yang tinggi terhadap kesejahteraan pekerja, dengan mengiktiraf bahawa pelbagai faktor fizikal, mental dan sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi kepuasan kerja, produktiviti dan prestasi organisasi. Kami juga komited untuk mewujudkan persekitaran kerja di mana pekerja berasa disokong, terlibat dan diperkasakan.

Bagi menggalakkan hubungan sosial dan semangat kerjasama, pelbagai aktiviti libat urus pekerja telah dianjurkan secara berterusan. Pada 2024, sebanyak 73 aktiviti telah dijalankan di seluruh organisasi. Tumpuan utama turut diberikan terhadap sokongan kesihatan mental, yang menjadi keutamaan sejak pandemik, melalui penganjuran sesi maya secara berkala mengenai topik kesejahteraan. Pada 2024, dua inisiatif khusus diperkenalkan untuk menilai tahap kesihatan mental kakitangan:

- **DASS-21 (Depression Anxiety Stress Scale Test)** – Alat saringan untuk menilai tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan pekerja KWSP.
- **Pittsburgh Sleep Quality Index (PSQI)** – Alat penilaian kualiti tidur pekerja KWSP, dengan mengambil kira hubungan penting antara rehat dan kesejahteraan mental.

Usaha-usaha ini selaras dengan Indeks Kesejahteraan Pekerja (*Employee Wellbeing Index-EWI*), satu ukuran dalaman yang mengukur tahap kesejahteraan kakitangan di seluruh organisasi.

Pada 2024, EWI diperluaskan untuk merangkumi semua pekerja di KWSP dan memperkenalkan satu kategori baharu berkaitan kelestarian bagi mencerminkan keutamaan tempat kerja yang semakin berkembang.

Sebanyak 97.5% kakitangan berjaya mencapai sasaran EWI yang ditetapkan, sekali gus menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan kakitangan terhadap pentingnya memiliki tanggungjawab terhadap kesejahteraan diri serta menyumbang kepada tenaga kerja yang lebih sihat dan berdaya saing.

Pendekatan kami terhadap kesejahteraan pekerja turut merangkumi pemodenan amalan kerja. Program MyFLEX, yang mula diperkenalkan sejak 2017, kekal menjadi pemangkin utama keseimbangan kerja dan kehidupan pada 2024. Seramai 79% kakitangan telah menyertai MyFLEX, menunjukkan penerimaan yang tinggi dan positif serta komitmen KWSP terhadap pelaksanaan sistem kerja yang fleksibel dan adaptif. Di Ibu Pejabat KWSP, MyFLEX telah dilaksanakan sepenuhnya di semua jabatan, kecuali bagi mereka yang mempunyai keperluan syif tetap. Di cawangan-cawangan KWSP pula, pelaksanaan sistem fleksibel ini disesuaikan mengikut keperluan operasi bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan.

Rangka kerja MyFLEX menawarkan lima pilihan kerja fleksibel yang direka untuk memenuhi pelbagai jenis tugas dan keperluan peribadi:

- **MyFLEX-Time:** Empat kategori waktu yang boleh dipilih oleh semua kakitangan.
- **MyFLEX-Hours:** Masa masuk kerja yang fleksibel sehingga jam 9:00 pagi, terbuka kepada semua kakitangan kecuali yang terlibat dalam operasi cawangan.
- **MyFLEX-Day:** Pilihan hari rehat hujung minggu yang fleksibel bagi peranan tertentu seperti di Bahagian Teknologi Digital (DTD).
- **MyFLEX-Week:** Pilihan waktu kerja mingguan yang fleksibel (minimum 4 jam sehari, maksimum 10 jam), membolehkan kakitangan mengurus sendiri minggu kerja 40 jam mereka.
- **MyFLEX-Place:** Fleksibiliti dari segi waktu dan lokasi bekerja, tersedia untuk peranan yang sesuai seperti Pegawai Penguatkuasa.

### Gaji dan Manfaat yang Adil

KWSP terus mengukuhkan kedudukannya sebagai majikan pilihan dengan menawarkan pakej imbuhan yang menarik. Struktur gaji kakitangan ditetapkan melebihi paras gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan, memastikan struktur ganjaran yang adil dan kompetitif di semua peringkat organisasi.

Selain menawarkan struktur gaji dan upah yang kompetitif, KWSP turut menyediakan pakej faedah menyeluruh, termasuk pemberian bonus tahunan, caruman skim keselamatan sosial, serta manfaat rawatan perubatan yang turut meliputi ahli keluarga tanggungan yang layak.

Bagi memenuhi keperluan peribadi dan kekeluargaan yang pelbagai dalam kalangan warga kerja, KWSP turut menawarkan pelbagai jenis cuti. Ini termasuk cuti tahunan, cuti sakit, cuti materniti dan cuti paterniti, cuti ehsan, serta cuti bagi menunaikan ibadah haji.



130

Jumlah kakitangan lelaki yang mengambil **cuti paterniti**



108

Jumlah kakitangan wanita yang mengambil **cuti materniti**

Bagi kakitangan yang telah bersara pula, KWSP turut menyediakan beberapa faedah pasca persaraan termasuk perlindungan perubatan selepas persaraan, bayaran gratuity, dan bayaran tunai bagi cuti tahunan yang tidak digunakan. Faedah-faedah ini bertujuan bagi membantu para pesara mengekalkan kestabilan kewangan serta kesejahteraan hidup, sekali gus memudahkan fasa peralihan yang selesa ke fasa kehidupan selepas pekerjaan.

### Hak Pekerja

KWSP komited dalam memelihara dan melindungi hak semua pekerja sebagai sebahagian daripada misi untuk memastikan kesejahteraan warga kerja. Kami menggalakkan persekitaran kerja yang inklusif, saling menghormati, dan bebas daripada diskriminasi berdasarkan kaum, jantina, umur, atau sebarang ciri peribadi yang lain. Salah satu prinsip utama komitmen KWSP terhadap hak pekerja adalah sokongan terhadap kebebasan untuk berpersatuan, sejajar dengan amalan terbaik global dalam hak tenaga kerja. Amalan ini sekali gus mengukuhkan dedikasi KWSP terhadap keadilan dan piawaian kerja yang beretika.

Kakitangan KWSP turut diwakili oleh kesatuan pekerja berdasarkan lokasi dan kategori pekerjaan masing-masing:

#### Kesatuan Kakitangan Lembaga KWSP (KKLKWSP):

Mewakili para pekerja bukan eksekutif di Semenanjung Malaysia

#### Kesatuan Anggota Lembaga KWSP Sarawak (Kesatuan Sarawak):

Mewakili para pekerja bukan eksekutif di Sarawak

#### Kesatuan Sekerja Anggota KWSP Sabah (Kesatuan Sabah):

Mewakili para pekerja bukan eksekutif di Sabah

#### Persatuan Pegawai Kanan KWSP (PPKKWSP):

Mewakili para pekerja eksekutif di seluruh KWSP

KWSP mengekalkan hubungan yang kerap dan membina dengan semua wakil kesatuan dan persatuan pekerja, bagi memupuk komunikasi terbuka serta memastikan sebarang kebimbangan kakitangan yang dibangkit ditangani secara segera dan kolaboratif.

## KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Perkara Material: **M12**

Di KWSP, keselamatan dan kesihatan para kakitangan serta ahli sentiasa menjadi keutamaan utama. Kami komited untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan terjamin dengan mengenal pasti, mengurus serta mengurangkan risiko di tempat kerja, sambil memastikan pematuhan berterusan terhadap keperluan perundangan dan piawaian keselamatan dalaman.

### Perlindungan Terhadap Pekerja

Sebagai simbol komitmen pihak pengurusan dalam memelihara keselamatan, kesihatan pekerjaan serta persekitaran kerja yang kondusif, KWSP terus mengekalkan pensijilan ISO 45001:2018 dan ISO 14001:2015 di KWSP Kuching yang telah berjaya diperakui pada tahun 2024, di samping mengekalkan pensijilan sedia ada di KWSP Kwasa Damansara. Usaha ini turut diperluaskan ke Menara KWSP secara keseluruhan, di mana pensijilan dijangka diperolehi menjelang 2026.

Setiap jabatan dan cawangan ditugaskan seorang Penyelaras OSH (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) bagi memantau pematuhan dan menyelaras hal berkaitan OSHE, disokong oleh pemantauan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Pendekatan pengurusan risiko kami merangkumi pelaksanaan protokol yang kukuh seperti Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC), Penilaian Aspek dan Impak Alam Sekitar (EAIA), serta Penilaian Risiko dan Peluang (R&O). Kesemua dokumentasi ini disemak secara tahunan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan serta mendorong penambahbaikan berterusan dalam usaha mengurangkan risiko pekerjaan.

Kami juga menggalakkan pelaporan secara proaktif melalui kod QR khas yang membolehkan kakitangan melaporkan insiden, kejadian nyaris, atau tindakan dan keadaan tidak selamat secara serta-merta. Semua insiden berkaitan kerja yang dilaporkan akan disemak oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan pelan tindakan pembetulan akan dibangunkan untuk mengelakkan kejadian berulang.

Pada 2024, sebanyak 19 kes kesihatan berkaitan kerja telah direkodkan (berbanding 16 kes pada 2023), menghasilkan Jumlah Kadar Kes Insiden (TCIR) sebanyak 0.367. Tiada kematian atau insiden berimpak tinggi dilaporkan sepanjang tahun tersebut.

## ULASAN PERNIAGAAN

### Latihan Keselamatan Pekerja pada 2024

Bagi memperkukuh budaya keselamatan dalam organisasi, KWSP telah melaksanakan beberapa program latihan dan kesedaran berkaitan OSH seperti berikut:

- Latihan Kompetensi - Pertolongan Cemas Asas, Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) dan penggunaan *Automated External Defibrillator* (AED)
- Kesedaran terhadap Sistem Pengurusan OSH (ISO 45001) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001)
- Pelan Kontingensi dan Pengurusan Krisis
- Latihan Penilaian Risiko
- Taklimat Penggunaan AED dan CPR
- Latihan Penyelaras OSH
- Program OSHE EPFTuned

### Menyokong Kesejahteraan Ergonomik

Masalah kesihatan muskuloskeletal (MSD) seperti cakera tergelincir (*slipped disc*), sakit belakang, dan sindrom terowong karpus (*carpal tunnel syndrome*) kekal sebagai antara isu utama yang dilaporkan, khususnya dalam kalangan kakitangan yang menjalankan kerja secara duduk untuk tempoh berpanjangan. Bagi menangani isu ini, Penilaian Risiko Ergonomik dilaksanakan secara berkala. Pada 2024, penilaian tersebut telah dijalankan oleh Ergoworks Sdn. Bhd. dan berdasarkan saranan yang diberikan, kerusi ergonomik telah dibekalkan kepada kakitangan terlibat bagi mengurangkan ketidakelesaan serta menyokong kesejahteraan dan produktiviti jangka panjang.

### Menjaga Keselamatan Ahli dan Majikan

KWSP turut memberi keutamaan terhadap keselamatan ahli dan majikan semasa kunjungan fizikal ke premis dengan menguatkuasakan langkah-langkah keselamatan menyeluruh. Penilaian HIRARC dijalankan secara berkala di pejabat cawangan sebagai langkah pencegahan, manakala prosedur pendaftaran pelawat dikendalikan oleh Penyelaras OSH yang dilantik. Semua petugas barisan hadapan dan kakitangan keselamatan telah dilatih serta diperakui mengikut standard hak asasi manusia dan protokol operasi bagi memastikan keselamatan serta maruah setiap pengunjung sentiasa terpelihara.

## MEMASTIKAN TADBIR URUS YANG TEGUH

Perkara Material: **M16**

Sebagai pemegang amanah simpanan persaraan rakyat Malaysia, KWSP telah meletakkan keutamaan yang tinggi terhadap nilai integriti, ketelusan dan tabdir urus beretika. Pemupukan tadbir urus yang kukuh serta komunikasi yang jelas dan berkesan adalah teras dalam mengekalkan kepercayaan pihak berkepentingan serta bagi menunaikan tanggungjawab fidusiari kami. Rangka kerja tadbir urus kami sentiasa disemak dan dipertingkatkan sejajar dengan amalan terbaik dan perkembangan keperluan peraturan yang semakin berkembang.

### Memupuk Amalan Perniagaan Beretika

KWSP mengekalkan pendekatan toleransi sifar terhadap salah laku dan rasuah, seperti yang digariskan dalam Polisi Antirasuah, Pelan Integriti dan Antirasuah, serta Polisi Penajaan dan Sumbangan. Polisi-polisi ini menyediakan garis panduan yang jelas dalam mengawal selia penajaan, sumbangan dan amalan etika, serta mencegah perlakuan anti-persaingan.

Bagi memupuk budaya integriti yang menyeluruh dalam organisasi, semua polisi ini telah disampaikan kepada 100% kakitangan dan ahli badan tadbir urus. Setiap maklumat disampaikan secara mudah diakses dan tepat pada masanya bagi memastikan setiap individu memahami tanggungjawab mereka serta bersedia mematuhi standard dan prinsip etika KWSP.

Pada tahun 2024, latihan antirasuah telah diberikan kepada 5,483 individu, mewakili 96.24% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja kami. Sepanjang tahun, pelbagai program libat urus integriti turut dijalankan bagi memperkukuh budaya beretika dan berintegriti dalam kalangan kakitangan organisasi, termasuk:

- Program Dimensi Integriti - Siri 1
- Program Dimensi Integriti - Siri 2
- Program Dimensi Integriti - Siri 3
- Pertandingan Video Integriti
- Acara Integriti GLIC (Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan) Hari Integriti KWSP
- Kursus LX Etika & Integriti
- Karnival Integriti Wilayah Utara
- Karnival Integriti Wilayah Sabah
- Karnival Integriti Wilayah Sarawak

### Pengurusan Risiko Rasuah

Bagi memperkukuh langkah pencegahan terhadap rasuah, KWSP telah melaksanakan sistem Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) sejak tahun 2019 yang diintegrasikan dalam platform MyRisks. Pada peringkat awal, pelaksanaan system ini difokuskan kepada jabatan berisiko tinggi. Kini, pelaksanaan CRM telah diperluas secara berperingkat dan dilaksanakan di 27 buah jabatan merentasi 6 wilayah dan 69 buah cawangan setakat 2024. KWSP berada di hala tuju yang tepat untuk meluaskan liputan sistem ini ke semua 32 jabatan menjelang tahun 2025, sekali gus mencapai perlindungan menyeluruh di seluruh organisasi.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memupuk budaya integriti, semua pembekal dikehendaki menandatangani Aku Janji Integriti (*Integrity Pact*) bersama KWSP.

Selain itu, semua pihak berkepentingan digalakkan untuk melaporkan sebarang amalan tidak beretika atau rasuah melalui saluran pelaporan yang telah disediakan:



[speakup@epf.gov.my](mailto:speakup@epf.gov.my)



+603-6122 6122



<http://enquiry.kwsp.gov.my>



Jabatan Integriti & Tadbir Urus, Menara KWSP,  
No. 1, Persiaran Kwasa Utama, Kwasa Damansara,  
40150 Shah Alam, Selangor

Semua laporan dikendalikan dengan kerahsiaan yang tinggi, dan kes-kes yang disahkan akan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut. Pada 2024, tiada insiden rasuah yang disahkan telah direkodkan.

#### Data Saluran Pelaporan KWSP 2024

Laporan yang diterima melalui komunikasi bertulis (surat dan emel)	748
Laporan yang diterima melalui talian <i>Hotline</i>	227
Laporan yang diterima melalui laman web	655
Laporan yang diterima secara langsung di cawangan KWSP	0
Bilangan tindakan undang-undang yang masih belum selesai atau yang telah diselesaikan sepanjang tempoh pelaporan berkaitan tingkah laku anti-persaingan dan pelanggaran undang-undang anti-monopoli serta anti-kepercayaan yang melibatkan KWSP sebagai pihak terlibat	0

### MEMBINA RANTAIAN BEKALAN YANG BERDAYA TAHAN

Perkara Material: **M16**

Strategi rantaian bekalan KWSP berteraskan ketahanan, tanggungjawab dan penciptaan nilai jangka panjang. Dengan menerapkan amalan beretika, pertimbangan alam sekitar dan sosial, serta akauntabiliti prestasi dalam proses perolehan kami, KWSP berhasrat untuk membina ekosistem kukuh yang menyokong keperluan operasi sambil memperkukuh kepercayaan pihak berkepentingan.

#### Menggalakkan Amalan Beretika dan Bertanggungjawab

Polisi Perolehan KWSP 2015 (Pindaan 2024) menyediakan rangka kerja dan panduan bagi semua aktiviti perolehan yang berasaskan lima (5) prinsip utama berikut:

- Akauntabiliti
- Ketelusan
- Nilai ke atas Wang
- Persaingan Terbuka
- Keadilan dan Integriti

Sebagai sebahagian daripada proses perolehan kami, semua pembekal yang layak perlu menjalani penilaian teknikal dan komersial sebelum sebarang pelantikan. Penilaian selepas pelantikan juga dilaksanakan bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap obligasi kontrak dan perjanjian tahap perkhidmatan (SLA).

Walaupun penilaian biasanya memberi tumpuan kepada kriteria teknikal dan kontraktual, KWSP turut mempertimbangkan aspek alam sekitar dan sosial berdasarkan keperluan perniagaan. Ini termasuk aspek seperti pelepasan karbon, penarafan kecekapan tenaga, serta pematuhan sosial seperti larangan terhadap buruh kanak-kanak dan buruh paksa.

Kekerapan penilaian pasca pelantikan bergantung kepada terma kontrak, sama ada secara bulanan, suku tahunan atau tahunan, bagi memastikan prestasi dan akauntabiliti berterusan.

Semua pembekal baharu diwajibkan untuk mendaftar melalui platform SAP Ariba, di mana mereka perlu mengemukakan pengisytiharan sendiri dan mematuhi Kod Tatakelakuan Pembekal KWSP (SCOC) yang menggariskan jangkaan terhadap amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

#### Perbelanjaan Perolehan Tempatan

Pada 2024, KWSP terus mengutamakan pembangunan ekonomi tempatan dengan menyokong pembekal domestik. Daripada jumlah keseluruhan anugerah perolehan yang dikeluarkan sepanjang tahun, sebanyak 97% telah dianugerahkan kepada syarikat tempatan. Dari segi nilai, perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi aspek ini berjumlah RM266.15 juta, merangkumi 75% daripada keseluruhan perbelanjaan perolehan kami.

Sehingga 31 Disember 2024, KWSP mempunyai sejumlah 5,263 pembekal berdaftar yang telah dinilai dari segi impak alam sekitar dan sosioekonomi.

Peratusan kontrak perolehan yang telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat di Malaysia	97%
Peratusan jumlah perbelanjaan perolehan yang dikeluarkan ke atas syarikat-syarikat di Malaysia	75%
Jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang diperolehi daripada syarikat-syarikat di Malaysia	RM266,149,053

### PENGLIBATAN KOMUNITI

Perkara Material: **M1 M2 M4 M7**

KWSP diberi amanah untuk menangani isu kerentanan pendapatan warga emas sebagai sebahagian daripada mandat penubuhannya, sejajar dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1952, iaitu Konvensyen 102; *Minimum Standard for Social Security*. Sebagai salah satu daripada sembilan cabang keselamatan sosial yang digariskan dalam Konvensyen tersebut, KWSP terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh sistem perlindungan sosial Malaysia, khususnya dalam perkara berkaitan pencen dan keselamatan persaraan.

## ULASAN PERNIAGAAN

### Mempertingkatkan Perlindungan Sosial

KWSP kekal sebagai ahli aktif dalam pelbagai badan perlindungan sosial di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, termasuk Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC), Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dan Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA).

Melalui MySPC, KWSP memainkan peranan strategik dalam pembentukan dasar di peringkat kebangsaan. Ketua Pegawai Eksekutif KWSP merupakan ahli Jawatankuasa Kerja Insurans Sosial (JKSI) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Pada 2024, KWSP telah membentangkan kertas edaran kepada Majlis bagi mengumumkan penganjuran Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa.

Di peringkat antarabangsa pula, KWSP terus menyumbang kepimpinan pemikiran melalui penglibatannya dalam ISSA. CEO KWSP telah memegang jawatan Pengerusi Suruhanjaya Teknikal (TC) bagi Organisasi, Pengurusan dan Inovasi, manakala Ketua Pegawai Operasi memegang peranan Timbalan Pengerusi TC bagi Pemungutan Caruman dan Pematuhan. Ketua Pegawai Digital Teknologi pula memegang jawatan Timbalan Pengerusi TC bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi, dan Ketua Jabatan Polisi dan Strategi memegang peranan sebagai Timbalan Pengerusi TC bagi Organisasi, Pengurusan dan Inovasi.

Di peringkat serantau, KWSP telah menamatkan tempoh Pengerusi dalam ASSA bagi penggal 2023/2024, dan CEO secara rasmi telah menyerahkan peranan tersebut kepada Presiden dan Pengurus Besar Sistem Insurans Sosial Kerajaan Filipina semasa Mesyuarat Lembaga ASSA ke-41.

Bagi memperluas capaian perlindungan sosial, KWSP telah memeterai beberapa kerjasama baharu pada tahun 2024 bagi menyokong penyertaan lebih meluas dalam kalangan pekerja sektor tidak formal. Ini termasuk pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan enam (6) penyedia platform bagi menggalakkan penyertaan KWSP dalam kalangan pekerja Gig.

Satu lagi pencapaian penting adalah pemeteraian MoU bersama FINAS untuk menyepadukan caruman KWSP ke dalam kontrak standard, sekali gus memperluas inklusiviti dalam kalangan profesional industri kreatif.

Bagi menyokong pembangunan kapasiti dalam bidang perlindungan sosial, KWSP turut bekerjasama dengan Bank Dunia dan Pusat Latihan Antarabangsa Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ITCILO) dalam penganjuran program latihan bagi pengamal perlindungan sosial. Sesi latihan ini menumpukan kepada pengukuhan pengetahuan institusi dalam pengurusan pencen dan polisi perlindungan sosial, sekali gus mengukuhkan peranan KWSP sebagai peneraju dalam membentuk sistem persaraan yang mampan.

### Memperkasa Literasi Kewangan

KWSP kekal komited dalam mempromosikan literasi kewangan di seluruh negara sebagai tunjang utama bagi keselamatan persaraan jangka panjang. Pada 2024, kami memperkukuh usaha melalui kerjasama dengan institusi utama bagi melaksanakan program khusus untuk membekalkan rakyat Malaysia dengan pengetahuan dan alat untuk membuat keputusan kewangan yang bijak pada setiap peringkat kehidupan.

Sebagai ahli Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), yang merupakan sebuah platform antara agensi yang menghimpunkan pelbagai institusi dan agensi dalam usaha meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia. KWSP telah menyumbang secara aktif kepada inisiatif nasional menerusi peranan dalam Jawatankuasa Kecil Penyelidikan. Di bawah mandat ini, KWSP turut menjadi tuan rumah bersama bagi Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan (NFLS) yang diadakan secara tahunan dan mengambil peranan utama pada 2024 dengan menganjurkan pelancaran Bulan Literasi Kewangan (FLM) yang diadakan setiap bulan Oktober. Sepanjang FLM 2024, KWSP turut menyertai Jelajah FEN di seluruh negara, manakala EPF Learning Campus juga telah menganjurkan Minggu Literasi Kewangan (FLW) 2024. Usaha literasi kewangan turut diperkukuh melalui platform media sosial serta pelaksanaan kempen “Simpan Baik-Baik”, yang bertujuan menggalakkan masyarakat mengamalkan tabiat menabung dan pengurusan kewangan yang berhemah.

Antara sorotan utama 2024 adalah penerbitan *Panduan Belanjawanku 2024/2025*, hasil kerjasama Bersama Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC). Panduan ini telah menyediakan anggaran kos barangan dan perkhidmatan bagi pelbagai profil isi rumah bersama dengan tahap simpanan yang disarankan untuk membantu ahli merancang kewangan mereka dengan lebih berkesan.

Satu lagi pencapaian utama ialah melalui pelancaran Rangka Kerja Kecukupan Pendapatan Persaraan (RIA)—struktur tiga peringkat yang membantu ahli menentukan sasaran simpanan berdasarkan gaya hidup dan matlamat persaraan masing-masing.

Inisiatif lain yang dijalankan termasuk penerbitan *MyMoneyMatters 2.0*, sebuah panduan pendidikan kewangan komprehensif untuk orang awam, dan kerjasama bersama Bank Negara Malaysia bagi melaksanakan Kajian Literasi Kewangan Kebangsaan. Pada masa yang sama, program kesedaran dan pendidikan terus dijalankan di semua cawangan KWSP di seluruh negara.

Usaha ini turut dilengkapi dengan perkhidmatan nasihat persaraan peribadi yang ditawarkan melalui pegawai Khidmat Nasihat Pelanggan (RA) dan pasukan *outreach*. Gabungan inisiatif ini memastikan semua ahli tanpa mengira latar belakang atau lokasi, mendapat akses kepada nasihat kewangan profesional yang boleh dipercayai dan disesuaikan mengikut taraf hidup masing-masing.

Sepanjang tahun, sebanyak 14,383 aktiviti kesedaran dan pendidikan telah dijalankan di seluruh cawangan KWSP.

## KETAHANAN MENGHADAPI BENCANA ALAM

Perkara Material: **M17** **M18**

Kekerapan dan keseriusan bencana alam yang melanda dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah menambah kerumitan baharu kepada operasi KWSP di seluruh negara. Bagi menangani risiko ini, KWSP telah memperkukuhkan tahap kesiapsiagaan organisasi melalui pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang komprehensif.

### Menjamin Ketahanan Melalui Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Berkesan

Rangka Kerja BCM direka untuk memastikan ketahanan operasi ketika berdepan dengan gangguan semula jadi mahupun buatan manusia. Perkara ini merangkumi komponen utama seperti analisis impak perniagaan, penilaian risiko, serta perangkaan dan pelaksanaan strategi kesinambungan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan kritikal.

Semakan berkala dan latihan simulasi krisis dilaksanakan setiap tahun untuk menguji keberkesanan pelan BCM dan menambah baik protokol penyelarasan. Simulasi ini bukan sahaja menilai tahap kesiapsiagaan organisasi, malah memperkukuh komunikasi serta proses membuat keputusan merentas jabatan dalam situasi bertekanan tinggi.

## PENGURUSAN KESAN TERHADAP ALAM SEKITAR

Perkara Material: **M8** **M9**

Sebagai respons terhadap desakan global berhubung perubahan iklim serta peningkatan jangkaan masyarakat terhadap pemeliharaan alam sekitar, KWSP komited untuk menguruskan impak persekitarannya dan mengintegrasikan kelestarian dalam operasi kami. Aspirasi kami adalah untuk menjadi sebuah organisasi yang diurus secara lestari dan menetapkan standard contoh dalam pemeliharaan alam sekitar dalam sektor awam.

### Penggunaan dan Kecekapan Tenaga

Sumber tenaga utama KWSP merangkumi elektrik yang dibekalkan oleh Tenaga Nasional, diesel untuk penjana sandaran, serta tenaga solar yang telah dipasang di beberapa cawangan terpilih. Usaha ke arah kecekapan tenaga telah bermula sejak tahun 2013 menerusi kempen kesedaran dalaman yang bertujuan menggalakkan kakitangan agar menjimatkan tenaga dalam operasi harian mereka.

Pada 2019, usaha ini telah dipertingkatkan dengan permohonan untuk mendapatkan Pensijilan Sukarela Bangunan Karbon Rendah (LCB) daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Inisiatif ini masih diteruskan sebagai sebahagian daripada usaha kami yang lebih luas untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam infrastruktur.

Bagi memperkukuh penggunaan tenaga secara lebih bertanggungjawab, kami telah menetapkan sasaran dalaman pada 2022 agar semua bangunan mencapai Indeks Tenaga Bangunan (BEI) di bawah 220 kWh/m<sup>2</sup>/tahun, selaras dengan penanda aras MS 1525:2019 bagi semua bangunan dan cawangan. Sasaran ini meletakkan kami lebih baik daripada purata nasional bagi bangunan pejabat, iaitu 250 kWh/m<sup>2</sup>/tahun, dan mengukuhkan aspirasi kami untuk menjadi antara organisasi yang paling cekap tenaga di Malaysia.

Pemangkin utama kepada pencapaian sasaran ini adalah melalui pelaksanaan sistem pengurusan *Asset Life Cycle Management (ALCM)*, yang menilai prestasi komponen mekanikal dan kejuruteraan (M&E) di seluruh bangunan KWSP. ALCM membolehkan pihak kami mengenal pasti sistem yang tidak mencapai prestasi optimum, serta mengutamakan penaiktarafan demi meningkatkan kecekapan tenaga.

Antara inisiatif penjimatan tenaga yang telah dilaksanakan pada 2024 termasuklah:

- Pemasangan panel solar di atas bumbung di KWSP Kuantan, KWSP Kota Kinabalu, KWSP Seberang Jaya dan KWSP Kluang
- Pemasangan lampu LED di cawangan baharu serta yang telah dinaik taraf
- Penggantian unit penghawa dingin jenis split yang telah usang dengan model inverter di cawangan-cawangan KWSP
- Pemasangan motor dan pam berkecekapan tenaga tinggi telah dilaksanakan bagi menggantikan komponen mekanikal dan kejuruteraan (M&E) lama di dalam bangunan
- Penggantian unit pendingin (*chiller*) di beberapa cawangan, termasuk tiga unit di KWSP Johor Bahru, dua unit di KWSP Ipoh, dua unit di KWSP Georgetown, dan tiga unit di KWSP Seberang Jaya
- Menggantikan lif sedia ada kepada model yang lebih cekap tenaga di KWSP Ipoh serta operasi pemasangan lif cekap tenaga yang sedang berjalan di KWSP Kuching dan EPF Learning Campus

## ULASAN PERNIAGAAN

Melalui usaha berterusan ini, KWSP terus mengambil langkah yang bermakna ke arah mengurangkan jejak karbon dan beroperasi secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

### Penggunaan Air dan Efluen

KWSP mengiktiraf kepentingan yang semakin meningkat dalam pemuliharaan air, sejajar dengan kebimbangan global terhadap kemampuan bekalan air. Sebagai respons, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk mengurus penggunaan air secara bertanggungjawab di seluruh pusat operasi kami, di samping memastikan pelepasan efluen mematuhi piawaian kawal selia yang telah ditetapkan oleh Kementerian Alam Sekitar.

Penggunaan air di bangunan KWSP adalah tertumpu kepada keperluan sanitasi seperti tandas dan pembersihan, serta bagi sistem mekanikal dan kejuruteraan seperti pemanasan, pengudaraan, dan penyaman udara (HVAC). Penggunaan air dipantau melalui bil air bulanan yang dikemukakan oleh setiap cawangan. Sebarang ketidaktentuan atau penggunaan berlebihan akan ditandakan untuk siasatan lanjut, dan pegawai yang bertanggungjawab dikehendaki memberikan penjelasan serta mengambil tindakan pembedahan yang sewajarnya.

### Pengurusan Sisa

KWSP juga kekal komited terhadap pengurusan sisa yang bertanggungjawab sebagai sebahagian daripada matlamat kelestarian alam sekitar yang lebih menyeluruh. Fokus utama pelaksanaan usaha ini adalah untuk mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan melalui peminimuman




penggunaan bahan, galakan terhadap aktiviti kitar semula, serta pemupukan perubahan tingkah laku dalam kalangan warga kerja. Aspirasi jangka panjang KWSP adalah untuk mencapai sasaran sifar sisa ke tapak pelupusan.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi menyokong komitmen ini. Drum dan kartrij toner OKI dilupuskan melalui vendor pihak ketiga bertaualiah yang mempunyai kelulusan yang diperlukan dan beroperasi mengikut peraturan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pemuliharaan bahan turut diberi perhatian khusus, terutamanya dalam peralihan ke arah operasi tanpa kertas melalui penggunaan sistem digital. Pemangkin utama inisiatif ini ialah pelaksanaan Perisian Sistem Pengurusan Kandungan Perusahaan (ECM), yang memudahkan penyimpanan dan pencarian data melalui platform digital. Selari dengan itu, program kesedaran dalaman terus digiatkan bagi mengukuhkan amalan penggunaan bertanggungjawab dan pengurangan sisa dalam kalangan kakitangan.

Sebagai sokongan terhadap usaha untuk mencapai pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015, KWSP sedang memperkukuh prosedur pemantauan dan pelaporan penjaan sisa di semua cawangan. Pada masa ini, setiap cawangan dikehendaki mengemukakan laporan pengurusan sisa secara dwitahunan kepada Jabatan Pengurusan Hartanah. Laporan ini membolehkan penilaian prestasi dilaksanakan serta mengenal pasti bidang penambahbaikan dalam usaha menyelaraskan amalan pengurusan sisa kami dengan piawaian alam sekitar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

## PENGURUSAN KESAN ALAM SEKITAR

 Penggunaan dan Kecekapan Tenaga	 Penggunaan Air dan Efluen	 Pengurusan Sisa
<b>Komitmen</b>		
Meningkatkan kecekapan tenaga melalui teknologi hijau dan pengurusan tenaga yang bertanggungjawab	Pemuliharaan air dan kawalan pelepasan efluen	Penyelarasan amalan pengurusan sisa dengan piawaian alam sekitar
<b>Matlamat</b>		
Mengurangkan jejak karbon dan beroperasi secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar	Penggunaan air secara cekap dan cermat mengikut piawaian JAS	Sasaran sifar sisa ke tapak pelupusan dan pensijilan ISO 14001:2015

# DATA EMISI GHG KWSP


Seiring dengan komitmen kami untuk mengukuhkan kelestarian dalam semua aktiviti, KWSP mengiktiraf kepentingan untuk memimpin melalui teladan. Perekodan dan pemantauan pelepasan gas rumah hijau (GHG) merupakan langkah asas dalam memahami kesan terhadap alam sekitar, mengurus risiko berkaitan iklim, serta membuat keputusan yang bermaklumat. Usaha ini juga penting dalam merangka strategi pengurangan karbon yang berkesan bagi portfolio pelaburan dan operasi dalaman kami.

Pada 2023, pelepasan GHG operasi KWSP (Skop 1 dan 2) berjumlah 23,366 tCO<sub>2</sub>e. Angka ini dijadikan garis asas bagi usaha pengurangan pada masa hadapan. Pada 2024, pelepasan GHG operasi yang dicatatkan adalah sebanyak 16,885 tCO<sub>2</sub>e, iaitu penurunan sebanyak 6,481 tCO<sub>2</sub>e atau kira-kira 28% berbanding garis dasar pada 2023.

Daripada jumlah keseluruhan pelepasan operasi 2024, Skop 1 merangkumi kira-kira 3% dan Skop 2 merangkumi kira-kira 97%. Skop 1 merangkumi sumbangan daripada penjana diesel dan kenderaan syarikat, manakala Skop 2 pula sebahagian besarnya berpunca daripada penggunaan elektrik yang dibeli.

KWSP menyedari bahawa sebahagian besar pelepasan GHG berpunca daripada aktiviti pelaburan, dan telah mengambil pendekatan strategik berasaskan data untuk menyelaraskan portfolio pelaburan dengan matlamat masa depan tanpa karbon (*net-zero*). Pada 2024, kami memulakan usaha untuk mengukur dan menetapkan asas pelepasan pembiayaan kami. Menjelang tahun 2025, KWSP berhasrat untuk menentukan sasaran interim bagi membimbing usaha pengurangan karbon serta membangunkan rangka kerja dan pelan tindakan pengurangan karbon yang khusus untuk menyokong integrasi iklim merentas kelas aset dan sektor.

## PELEPASAN PERUSAHAAN



## DATA EMISI GHG KWSP

Pada 2023, jumlah pelepasan karbon yang dibiayai KWSP dianggarkan sebanyak ~37 Mn tCO<sub>2</sub>e, dengan intensiti pelepasan sebanyak 50tCO<sub>2</sub>e/RM juta dan skor keseluruhan PCAF antara 2 hingga 3. Sektor-sektor utama yang menyumbang secara signifikan kepada pelepasan karbon dibiayai KWSP merentasi sektor berintensiti tinggi karbon seperti sektor utiliti, perladangan, serta minyak dan gas.


Dengan pengecualian bon kerajaan, tunai dan setara tunai, kami telah menetapkan garis asas bagi kira-kira 100% Jumlah Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) KWSP, meliputi semua syarikat pelaburan dan entiti pelaburan bagi pelepasan Skop 1 dan Skop 2 merentasi semua kelas aset. Garis asas ini mengecualikan bon Kerajaan dan tunai memandangkan metodologi perakaunan bon kerajaan masih dalam peringkat pembangunan, manakala aspek tunai tidak termasuk dalam skop pelepasan yang dibiayai. Pelepasan Skop 3 syarikat pelaburan juga dikecualikan memandangkan kualiti data semasa masih belum kukuh, khususnya di pasaran domestik dan serantau.

Pelepasan karbon yang dibiayai KWSP diukur selaras dengan piawaian global bagi perakaunan karbon, iaitu metodologi *Partnership for Carbon Accounting Financials (PCAF)*.

### PELEPASAN YANG DIBIYAI

## Pelaporan Jejak karbon portfolio

2023 Pelepasan GHG



**Pelepasan  
Portfolio  
KWSP**

**Skop 3<sup>1</sup> - portfolio: 37 Mn tCO<sub>2</sub>e**

Intensiti pelaburan: 50 tCO<sub>2</sub>e / RM Mn

% AUM yang ditetapkan garis asas<sup>2</sup>: ~100%

1. Skop 3 Kategori 15 - pelepasan yang dibiayai; merujuk kepada pelepasan Skop 1 & 2 syarikat penerima pelaburan sahaja.
2. Nota: Garis asas tidak termasuk bon kerajaan dan tunai/setara tunai.

# PROSPEK PERNIAGAAN

2024


Ekonomi global pada tahun 2025 dijangka berkembang pada kadar sederhana sebanyak 2.8%<sup>1</sup>, mencerminkan ketidaktentuan yang berterusan akibat ketegangan perdagangan dan risiko geopolitik yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi secara keseluruhan. Sehubungan itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2025 diunjurkan lebih rendah berbanding unjuran awal antara 4.5% hingga 5.5%<sup>2</sup>, dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan serta aktiviti pelaburan strategik.

Di pihak KWSP, landskap ekonomi ini menggariskan kepentingan strategi pelaburan yang berhemah serta langkah-langkah yang tangkas dan responsif bagi melindungi simpanan ahli dan menjana pulangan mampan dalam menghadapi keadaan global dan domestik yang sentiasa berubah.

Berpandukan komitmen untuk membina masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk Malaysia, KWSP terus memberi tumpuan kepada pencapaian kemajuan yang boleh diukur merentasi lima (5) bidang tumpuan strategik: Kecukupan, Liputan, Pengalaman, Hasil dan Kepercayaan (ACE-YT). Lima tonggak ini berfungsi sebagai Sasaran Umum bagi memastikan hala tuju KWSP kekal sejajar dengan keperluan ahli yang sentiasa berubah serta memacu impak jangka panjang dan daya tahan institusi.

Sumber:

1. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
2. Belanjawan 2025 Malaysia MADANI - Prospek Ekonomi



Sasaran di atas merujuk kepada Sasaran Umum bagi tahun 2030.